

Sosialis



**Gaji CEO CIMB
RM 779,000 SEBULAN
PEKERJA HANYA
RM 1000
CUKUP KE?**

baca lanjut di m/s 9



**Petani Sungai Siput
diusir secara paksa**

> m/s 5



**Utamakan pekerja
Selamatkan Malaysia**

> m/s 6 & 7



**Nuit Debout:
Bangkitnya malam**

> m/s 12

**Pasaran buruh Malaysia
perlu distruktur semula**

> m/s 10

**Deklarasi Rakyat:
mana perginya rakyat?**

> m/s 4

Kenapa Melayu miskin?

baca lanjut di m/s 8

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah genggam tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.

Matlamat Parti Sosialis

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrisi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.
- ★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan

mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.

- ★ Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- ★ Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinasaan.
- ★ Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Parti Sosialis Malaysia

140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.
Tel: 03-26314866
Fax: 03-26314867
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama: Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313

PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.

<https://gabungkiri.wordpress.com/>



DARI MEJA PENGARANG

Pilihanraya Negeri Sarawak baru-baru ini menyaksikan Barisan Nasional menang dengan majoriti yang lebih besar lagi berbanding tahun 2011. Ini telah mencerminkan serba sedikit tentang keadaan politik pilihanraya negara kita pada takat kini, di mana parti-parti pembangkang menghadapi masalah dalaman sehingga tidak mampu mencabar kekuasaan BN walaupun kerajaan pimpinan Najib sedang berada dalam krisis. Malah, parti-parti komponen dalam Pakatan Harapan bertanding melawan sesama sendiri dalam Pilihanraya Negeri Sarawak sekali lagi mengungkitkan kemusykilan rakyat terhadap kemampuan Pakatan Harapan menampilkan diri sebagai satu alternatif yang mantap dalam Pilihanraya Umum akan datang. Sememangnya UMNO-BN walaupun menghadapi skandal korupsi dan krisis politik yang serius, tetapi akan tetap dapat mempertahankan kuasa sekiranya parti-parti pembangkang tidak mampu berganding tenaga dalam mengemukakan alternatif politik yang menyakinkan rakyat jelata. Rakyat yang inginkan perubahan juga akan semakin kecewa dan hilang harapan sekiranya tidak dapat melihat apa-apa alternatif yang kukuh daripada Pakatan Harapan.

Kelemahan dalam Pakatan Harapan telah membawa kepada situasi di mana pemimpin-pemimpin parti pembangkang dan masyarakat sivil

berpaling kepada strategi bekerjasama dengan puak Mahathir, seorang pemimpin negara yang memainkan peranan utama dalam menghancurkan institusi demokrasi dan mewujudkan fenomena kronisme yang meluas di negara kita. Kerjasama secara taktik walaupun bersama dengan golongan yang pernah menjadi musuh, memang sesuatu yang biasa berlaku dalam perjuangan politik, tetapi dalam bab "Deklarasi Rakyat" yang diterajui oleh Mahathir, adalah menjadi persoalan kepada pemimpin masyarakat sivil dan parti pembangkang kenapa mereka begitu tergesa-gesa menyertainya dan inisiatif ini dilihat seolah-olah dipimpin oleh Mahathir itu sendiri. Tindakan bekerjasama secara melulu dengan puak Mahathir juga memecah-belahkan gerakan rakyat yang menentang UMNO-BN. Oleh itu, sama ada Deklarasi Rakyat itu dapat menyatukan dan memperkuatkan gerakan rakyat masih lagi menjadi tanda soal.

Walau bagaimanapun, mana-mana orang yang inginkan perubahan tidak patut berputus asa dengan keadaan yang begitu mengecewakan sekarang. Yang penting adalah usaha pembinaan kuasa rakyat dari bawah perlu diteruskan. Kita perlu mempertajamkan perspektif rakyat dalam menganalisa keadaan dan menggerakkan perjuangan secara sedar melalui proses organisasi, mobilisasi dan pendidikan politik yang berterusan. ##

Langganlah Akhbar Sosialis Sekarang!

■ Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

■ Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar SOSIALIS Bahasa Melayu)

■ Nama: _____

■ Alamat: _____

■ _____

■ Telefon: _____

■ Faks: _____

■ Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

■ Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**
■ **140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields**
■ **50470 Kuala Lumpur**

■ Tel: 603-26314866

■ Fax: 603-26314867

■ Laman web: <http://partisosialis.org/>

PSM fokus pada isu rakyat marhaen

Cawangan-cawangan PSM telah menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) masing-masing pada bulan Mei yang lalu. AGM diadakan sebagai keperluan untuk persiapan Kongres Nasional Tahunan.

Dalam AGM Cawangan Semenyih pada 22 Mei yang lalu, semasa menyampaikan ucapannya, Arutchelvan, AJK Pusat PSM, telah berkata bahawa PSM bukannya parti berorientasikan pilihanraya, dan itulah sebabnya PSM kurang buat kerja memberi hamper atau beras sebagai satu pertunjukan politik. PSM lebih fokus pada isu-isu asas rakyat seperti perubatan awam, pendidikan percuma, percukaian progresif, rumah yang berharga munasabah, pelaksanaan gaji minimum dan sebagainya. “Program



kita mestilah berorientasikan perjuangan rakyat dan untuk membina kuasa rakyat. Hari ini apabila isu melibatkan rumah kena lelong, pengusiran paksa, pembuangan pekerja dan lain-lain lagi masalah besar, rakyat sentiasa cari PSM, kerana mereka sedar bahawa hanya PSM yang berjuang bersama mereka,” ulas Arutchelvan.

Konsert Titisan Peluh ke-29



Konsert Titisan Peluh yang ke-29 telah diadakan pada 14 Mei yang lalu di Sungai Siput, Perak. Acara sambutan Hari Buruh tahunan ini dianjurkan oleh Gabungan Pekerja Sungai Siput. Inisiatif aktivis PSM di Sungai Siput ini telah menjadi tradisi untuk memperingati pengorbanan perjuangan pekerja melalui persembahan lagu, tarian dan drama pentas.

Sambut Hari Pekerja satu kesalahan?



2 orang AJK Pusat PSM, Arutchelvan dan Selvam, telah dipanggil oleh polis untuk memberi keterangan saksi di Ibupejabat Polis Dang Wangi pada 19 Mei yang lalu, berkenaan dengan perhimpunan Hari Pekerja tahun ini. Yang turut dipanggil adalah Sevan Doraisamy, Pengarah Eksekutif SUARAM, sebuah NGO hak asasi manusia. Perhimpunan Hari Pekerja yang

diadakan pada 1 Mei yang lalu telah berlangsung secara aman dan tidak berlaku apa-apa insiden. Namun, pihak polis sendiri yang membuat aduan dan melakukan siasatan. Apabila ditanya sebab aduan dibuat, pegawai polis hanya senyum dan jawab, “arahan atas.” Penyiasatan ke atas aksi himpunan yang diadakan secara aman dan teratur oleh masyarakat sivil merupakan satu tindakan yang bermotifkan politik dan menjejaskan hak rakyat untuk berhimpun.

Solidariti bersama anak kapal MAS

Pimpinan PSM yang terdiri daripada Sivarajan Arumugam (Setiausaha Agung PSM) dan Selvam (AJK Pusat PSM) telah hadir memberi sokongan kepada aksi penyerahan memorandum oleh Kesatuan Kebangsaan Anak-anak Kapal Kabin Penerbangan Malaysia (NUFAM) kepada Kementerian Sumber Manusia di Putrajaya pada 24 Mei yang lalu. Memorandum tersebut telah mengetengahkan masalah yang dihadapi oleh lebih 6000 orang pekerja yang diberhentikan oleh syarikat penerbangan MAS.



Bank lelong rumah OKU PSM protes membantah

Pada 10 Mei yang lalu, Balan, seorang yang menjadi orang kurang upaya (OKU) selepas kemalangan, telah ditemani oleh Parti Sosialis Malaysia (PSM) untuk berprotes di hadapan ibu pejabat Bank Simpanan Nasional (BSN) yang terletak di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Protes tersebut adalah untuk menyuarakan bantahan terhadap tindakan bank BSN yang melelongkan rumah Balan.



menunggu untuk membeli rumah-rumah yang dilelongkan. Tindakan terburu-buru bank memberi lebih ruang bagi egen-egen ini untuk cari keuntungan. Akibatnya, rakyat biasa yang merana.

Selepas protes di hadapan pintu masuk ke ibu pejabat BSN, Balan bersama keluarganya serta aktivitis-aktivis PSM dapat berjumpa dengan Puan Arida Ariffin, Naib Presiden Hal Ehwal Korporat BSN, yang mewakili pihak BSN.

Hasil perbincangan dengan pihak bank agak memuaskan dan positif, di mana pihak BSN bersetuju akan menyiasat secara menyeluruh dan terperinci secepat mungkin. Wakil pihak bank juga menerima memorandum yang ditujukan kepada Adinan Bin Maning, Ketua Pegawai Eksekutif BSN.

Arutchelvan, AJK Pusat PSM, yang turut hadir bersama, menegaskan bahawa Bank BSN merupakan bank berkanun dan harus memikul tanggungjawab sosial dan berasa kesal terhadap tindakan BSN Seremban yang melelongkan rumah seorang yang lumpuh dengan kadar begitu cepat. Perkara lelongan awam yang dibuat oleh bank perdagangan akan mengambil masa lebih satu setengah tahun ini pula boleh berlaku lebih cepat di sebuah bank berkanun, pasti adanya sesuatu yang tidak mengena. Jadi, sudah pastinya ada unsur penyelewengan yang memangsakan Balan dan keluarganya. Oleh itu, pihak bank harus menghentikan segala proses lelongan dan penukaran nama kepada pihak ketiga sehingga siasatan dijalankan dan pastikan rumah ini kekal dimiliki oleh Balan.

Walaupun wakil bank tidak memberi kata putus pada masa itu, tetapi mereka bersetuju untuk menghentikan segala proses lelongan dan akan menolong Balan. Aktivis PSM juga mengingatkan pihak BSN supaya jangan paksa mangsa lelongan rumah berkhemah di hadapan Wisma BSN atau rumah CEO. ##

Balan telah mengalami kemalangan yang serius pada Jun 2015 sehingga beberapa saraf di tulang belakang terputus dan menyebabkannya menjadi lumpuh di bahagian bawah badan. Selepas kemalangan tersebut, Balan mula menghadapi kesukaran untuk membayar ansuran pinjaman perumahan kepada bank.

Situasi ini diberitahu kepada pihak bank BSN dan pihak bank sendiri menasihati Balan untuk memohon tuntutan insurans. Semasa proses mendapatkan insurans, pihak BSN pula telah melelongkan rumah Balan. Adakah tindakan ini adil?

Balan membeli rumah pada tahun 2005. Kini sudah hampir 12 tahun dia membayar ansuran pinjaman bagi rumah tersebut. Tiba-tiba pada 6 Januari yang lalu, Balan menerima surat lelongan rumah. Berkali-kali berbincang dengan pegawai bank, tetapi tidak berguna langsung, walaupun kakak Balan merayu kepada pihak bank untuk menunggu sehingga keputusan insurans. Pihak BSN meneruskan lelongan dan kini rumah Balan sudahpun dimiliki oleh pihak ketiga.

Persoalannya adalah, bagaimanakah bank boleh melakukan tindakan kejam sebegini? Bank Simpanan Nasional sepatutnya adalah sebuah bank kerajaan yang harus lebih prihatin dalam isu menjaga kebajikan rakyat. Pihak bank sepatutnya menunggu keputusan tuntutan insurans. Apa yang menyebabkan tindakan terburu-buru dalam melelongkan rumah OKU?

Sejak kebelakangan ini, banyak rumah orang miskin dilelongkan tanpa proses yang betul. Ejen berlambak di luar yang sedang

Kongres Pemuda

Kongres Pemuda PSM telah berlangsung di Kuala Lumpur pada 21 Mei yang lalu. Ahli-ahli Pemuda PSM telah membincangkan cadangan-cadangan untuk memantapkan gerakkerja sayap anak muda PSM ini demi membawa perjuangan rakyat ke hadapan.



Debat Perdana yang bertajuk “Deklarasi – Mana perginya rakyat?”, anjuran Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), telah berlangsung di Kuala Lumpur pada 16 Mei yang lalu. Debat tersebut membariskan panel yang menyokong Deklarasi Rakyat, yang terdiri daripada Khalid Samad, Ambiga Sreenevasan dan Khairuddin Abu Hassan; manakala panel yang berhujah mempertikaikan Deklarasi Rakyat, terdiri daripada Arutchelvan, Haris Ibrahim dan Badrul Hisham Shahrin.

Pihak pencadang yang menyokong Deklarasi Rakyat telah membawa hujah-hujah seperti:

- Deklarasi Rakyat adalah untuk menuntut perlucutan jawatan Najib Razak sebagai Perdana Menteri
- Adanya tuntutan untuk reformasi institusi dalam Deklarasi Rakyat.
- Deklarasi Rakyat bukan sahaja tentang agenda Mahathir, rakyat boleh mempergunakannya.
- Jika tiada apa-apa perkara dalam Deklarasi yang tidak dipersetujui, tandatangan sajalah.
- Lebih 1.2 juta orang sudah menandatangani Deklarasi Rakyat.
- Usaha Deklarasi Rakyat membolehkan masyarakat sivil mencapai kumpulan yang tidak pernah dapat dicapai sebelum ini.

Arutchelvan, AJK Pusat telah berhujah bahawa masalahnya bukan tentang isi kandungan Deklarasi Rakyat, tetapi apa yang di sebalik kewujudan Deklarasi. Menurut Arutchelvan:

- Deklarasi yang dibawa Mahathir bukanlah deklarasi rakyat tetapi deklarasi elit, yang dibuat oleh segelintir kecil individu elit tanpa proses perundingan dengan rakyat. Deklarasi dibuat dan disajikan kepada rakyat dalam proses atas ke bawah, bukannya proses dari

bawah.

- Isi kandungan Deklarasi Rakyat itu cetek dan cacat, kerana ia dibuat secara tergesa-gesa dan tuntutan yang dikemukakan tidak menyeluruh.

- Usaha membawa Deklarasi Rakyat itu bukannya satu “barisan bersatu”, kerana ia hanya gabungan individu dan sejurus selepas pengumuman Deklarasi, individu berlainan memberi pandangan yang berbeza. Barisan bersatu sepatutnya memperkuat gerakan rakyat, tetapi kehadiran Mahathir dalam Deklarasi Rakyat memecah-belahkan masyarakat sivil dan gerakan rakyat yang sedia ada.

- Seorang diktator yang menghancurkan institusi demokrasi telah diangkat sebagai pembela rakyat.

- Deklarasi Rakyat tidak mengubah apa-apa, dan tidak memberi gambaran yang besar untuk perjuangan tetapi gambaran yang sempit.

- Pembangkang dan masyarakat sivil terpaksa bekerjasama dengan Mahathir kerana kekuatan tidak cukup, begitu juga sebaliknya.

Haris Ibrahim mengatakan bahawa beliau tiada keyakinan pada Mahathir yang memimpin inisiatif Deklarasi Rakyat. Haris berpandangan bahawa segala kekayaan rakyat yang dicuri UMNO-

tanah yang luas, maka adalah penting untuk kerajaan persekutuan mengukuhkan genggamannya ke atas negeri Sarawak. Demi kepentingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), Sarawak amat diperlukan oleh persekutuan untuk menyelaraskan dasar negeri dan persekutuan. Kedudukan Sarawak amat penting dalam situasi sekarang.

Sarawak walaupun tidak ramai penduduknya, tetapi ia merupakan penentu kepada pemerintahan BN di peringkat persekutuan.

Taktik kotor BN memang satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan. Tetapi adalah tidak wajar untuk menyalahkan pengundi Sarawak yang mengundi mengikut pilihan masing-masing.

Faktor kemenangan BN bukan sekadar taktik kotor mereka sahaja, tetapi terdapat juga sebab-sebab lain yang harus dititikberatkan.

Antara sebab utama adalah:

1. Hubungan antara parti-parti

Sebelum pilihanraya, PKR dan DAP telah banyak bertembung antara satu sama lain. Peristiwa tersebut menjadikan hubungan antara parti-parti pembangkang tegang, melemahkan kerjasama dalam gabungan dan memberikan kesan negatif kepada mereka semasa pilihanraya.



BN perlu dikembalikan kepada rakyat, bukan sahaja pencurian yang berlaku pada era Najib, tetapi pada zaman Mahathir juga. Haris menegaskan bahawa apa yang rakyat mahukan adalah menggugurkan pemerintahan UMNO-BN, bukan sekadar Najib sahaja. “Selagi UMNO-BN masih kekal, apa-apa reformasi institusi yang kita tuntut mustahil untuk kita dapat,” ulas Haris.

Badrul Hisham, atau lebih dikenali sebagai Chegubard, pula berhujah bahawa Deklarasi Rakyat hanya fokus pada 1MDB, tetapi 1MDB itu hanya simptomnya, bukan penyakit barah itu sendiri. “Barah itu UMNO-BN,” tegas Chegubard.

Perdebatan yang telah berlarutan 3 jam ini amat hangat sekali dengan hujahan yang pedas daripada

kedua-dua pihak pencadang dan pembangkang. Memang perdebatan yang berkaitan dengan isu-isu negara penting sebegini patut digalakkan supaya orang awam boleh mendapat pencerahan melalui pertukaran pandangan yang berbeza.

Pihak yang mempertikaikan Deklarasi Rakyat, termasuk PSM, bukannya menolak usaha menjatuhkan pentadbiran Najib yang penuh dengan kepincangan, tetapi mempunyai kebimbangan tentang agenda puak Mahathir yang membawa inisiatif ini dan juga tidak mahu rakyat ditipu oleh percaturan politik elit semata-mata untuk perebutan kuasa antara kelas pemerintah. Perjuangan rakyat perlu digerakkan oleh kesedaran rakyat dan organisasi massa yang mantap dari bawah. ##

Pilihanraya Sarawak: satu analisis

oleh Sean Ho

Kemenangan BN di Pilihanraya Negeri (PRN) Sarawak baru-baru ini, mempunyai signifikansi yang besar kepada Adenan Satem, Najib Razak dan politik Malaysia. Semasa pilihanraya tersebut, memang jelas bahawa Barisan Nasional (BN) menggerakkan segala jentera yang mereka mampu. Bukan sekadar menggunakan sumber daripada agensi dan kementerian kerajaan sahaja, ahli-ahli parlimen BN, timbalan menteri dan menteri turut berkempen di seluruh Sarawak.

Kemenangan ini digunakan untuk membuktikan bahawa Adenan Satem adalah pilihan rakyat Sarawak, sekaligus menolak tanggapan bahawa Adenan adalah Ketua Menteri sementara dan akan digantikan selepas PRN. Manakala untuk Najib, ini akan dijadikan sebagai satu alasan untuk dia menyatakan bahawa rakyat Malaysia masih menerima pimpinannya sebagai Perdana Menteri.

Disebabkan Sarawak kaya dengan sumber asli dan juga mempunyai

pembangkang

Sebelum pilihanraya, PKR dan DAP telah banyak bertembung antara satu sama lain. Peristiwa tersebut menjadikan hubungan antara parti-parti pembangkang tegang, melemahkan kerjasama dalam gabungan dan memberikan kesan negatif kepada mereka semasa pilihanraya.

Contoh pertama adalah isu hudud, di mana DAP mendesak PKR untuk mengambil pendirian mengenai hukum hudud dan mengugut bahawa jika PKR tidak berbuat demikian, mereka (DAP) akan keluar daripada Pakatan Rakyat. Akhirnya isu ini dijadikan alasan untuk DAP tarik diri daripada Pakatan Rakyat. Kedua, semasa Bersih 4, PKR dan DAP berselisih faham semasa protes di Kuching. Perkara ini bukan sahaja memburukkan keadaan malah menjejaskan kerjasama antara NGO dan parti politik.



2. Imej Adenan Satem sebagai penyelamat murni

Selepas dilantik menjadi Ketua Menteri Sarawak, Adenan telah buat banyak perkara yang menampilkan dirinya adalah berbeza malah lebih bagus daripada Taib Mahmud. Adenan mengumumkan beberapa polisi bersifat retorik politik seperti penutupan tol di Kuching, Sibu dan Baram; mengarahkan perang ke atas pembalakan haram; dan mendermakan berjuta-juta ringgit kepada sekolah Cina.

Sebagai contoh, Adenan mengumumkan perang ke atas pembalakan haram tetapi dia melanjutkan lesen pembalakan untuk syarikat pembalakan gergasi di Sarawak. Syarikat-syarikat inilah yang selalu mengganggu kehidupan penduduk pendalaman dan mengugut mereka.

(sambung di m/s 5)

Petani Sungai Siput diusir secara paksa



Petani yang mengusahakan tanaman dan penternakan di kawasan Padang Tembak, Sungai Siput, Perak, telah diserang dalam satu operasi kilat pengusiran paksa oleh pihak Kerajaan Negeri Perak, pada 6 Mei yang lalu.



9 orang petani yang menghadapi pengusiran daripada pihak Pejabat Tanah Sungai Siput, telah memfailkan kes di Mahkamah Tinggi Taiping untuk semakan kehakiman yang menyoal tentang pendekatan pihak Kerajaan Negeri Perak terhadap pekebun kecil yang bercucuk tanam di atas tanah kerajaan terbiar.

9 orang petani tersebut telah diberikan notis pengusiran pada bulan April 2015, yang mengarahkan mereka mengosongkan tanah dalam tempoh 2 minggu atau dikenakan denda sebanyak RM 10,000 atau hukuman penjara 1 tahun. Petani yang terlibat telah meminta pada pihak Pejabat Tanah untuk memberikan notis sekurang-kurangnya setahun dan juga bantuan untuk mendapatkan tanah alternatif yang membolehkan mereka meneruskan aktiviti bercucuk tanam dan menternak, tetapi langsung tidak

dipedulikan oleh pihak berkuasa. Permohonan untuk semakan kehakiman telah difailkan pada Julai 2015 di Mahkamah Tinggi Taiping.

Namun, permohonan untuk semakan kehakiman telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi Taiping pada 13 April 2016. Pihak petani telah memfailkan notis rayuan di Mahkamah Rayuan di Putrajaya dan juga meminta Mahkamah Taiping supaya menyambung "*stay*" terhadap notis pengusiran Pejabat Tanah sehingga kes selesai di Putrajaya. Hakim Mahkamah Tinggi Ipoh pada awalnya memberikan perintah *stay* sementara sehingga 5 Mei 2016, tetapi telah menolak permohonan pihak petani untuk memanjangkan *stay* pada 5 Mei 2016.

Kerajaan Negeri Perak telah menggunakan kesempatan ini untuk melakukan operasi kilat pengusiran paksa. Lebih 100 orang anggota penguatkuasa telah dikerahkan dari Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Daerah dan Tanah, Polis Di-Raja Malaysia, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Jabatan Pengaliran dan Saliran, RELA dan sebagainya untuk menjalankan operasi pengusiran paksa ke atas 9 orang petani di Padang Tembak, Sungai Siput. Tanaman seperti betik, pisang, lada, limau dan sayur-sayuran lain serta kandang kambing dan lembu di atas beberapa ekar tanah yang terlibat telah musnah dalam operasi tersebut. Para petani di situ telah mengalami kerugian yang

besar.

Nagenteran, AJK Pusat PSM dan seorang lagi petani telah ditahan polis untuk seketika waktu, kerana cuba menghentikan pengusiran paksa.

Para petani yang mendapat sokongan daripada Parti Sosialis Malaysia (PSM) sedang berusaha memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan. Para petani juga ingin berunding dan mendesak kerajaan supaya memberikan tanah alternatif untuk aktiviti pertanian.

Petani adalah tunjang kepada pengeluaran makanan untuk negara kita. Tanpa petani, tiadanya makanan. Petani perlukan tanah untuk mengusahakan pertanian. Namun, undang-undang tanah dan dasar-dasar kerajaan sekarang ini tidak memberi perlindungan kepada rezeki petani dan juga jaminan makanan untuk rakyat. Perjuangan petani mempertahankan hak tanah bukan sahaja untuk menjaga rezeki para petani, tetapi juga untuk memastikan jaminan makanan untuk seluruh rakyat tidak terjejas. ##



(sambung dari m/s 4)

Adenan juga menyuarakan penuntutan royalti minyak Sarawak sebanyak 20% di persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) tetapi senyap sahaja apabila Najib tidak bersetuju dengannya.

Justeru, Adenan semakin popular dan dilihat sebagai "pembaharu" (*reformer*). Sementara itu, parti pembangkang dan juga gerakan masyarakat sivil di Sarawak gagal memberikan pandangan alternatif terhadap Adenan kepada orang ramai. Ini membuatkan Adenan muncul sebagai "wira" untuk rakyat biasa di Sarawak.

3. Semangat Sarawak for Sarawakian (S4S)

Semenjak bermula demam S4S di Sarawak, ia memisahkan Sarawak dan Malaya (Semenanjung) dari segi politik. Ini bukan sahaja melambatkan malah menghalang perubahan progresif.

Sentimen ini menjadi mainan untuk BN dan juga pembangkang. BN menggunakan sentimen ini untuk menyeru orang ramai menolak parti

yang berasal dari Semenanjung, iaitu parti pembangkang di Sarawak. Parti pembangkang pula memainkan sentimen ini untuk mendapatkan sokongan orang ramai. Tetapi mereka tidak dapat pisahkan diri daripada bebanan label Semenanjung. Oleh itu, tindakan mereka seolah-olah bermain dengan pedang yang tajam di kedua-dua belah.

Akibatnya, kita dapat melihat isu-isu yang dibawa oleh pembangkang sering dialihkan dan dilabel sebagai isu Semenanjung serta tidak berkaitan dengan Sarawak.

Dari situ jelas dengan berjayanya, sentimen ini memisahkan Sarawak daripada Semenanjung sehingga isu nasional dianggap sebagai isu Semenanjung semata-mata.

4. Kelemahan Parti Pembangkang di Sarawak

Struktur parti dan pendekatan parti pembangkang amat bermasalah. Di kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman yang ditandingi, parti pembangkang tiada sokongan akar umbi yang kuat. Terdapat calon yang bertanding tidak melakukan apa-apa

kerja khidmat masyarakat sebelum ini. Calon yang dipilih merupakan golongan profesional yang tinggal dan bekerja di bandar. Mereka menumpang populariti parti masing-masing.

PKR menganggap mereka ada sokongan kuat kerana mereka terlibat dalam kes tanah adat. Ya, tidak dinafikan peguam-peguam daripada PKR banyak membantu penduduk luar bandar dalam kes tanah adat. Tetapi ia tidak dapat dijadikan sebagai pengukur populariti untuk semua calon di semua kawasan.

DAP menggunakan "Impian Sarawak" untuk "membeli undi" di kawasan luar Bandar. Mereka melakukan banyak kerja yang berfaedah untuk komuniti luar bandar seperti pembinaan jalan, jambatan dan paip air. Akan tetapi, kerja-kerja tersebut didorong oleh satu konsep "berhutang budi" yang dimainkan oleh BN untuk berdekad lama. Sudah pasti BN lebih cekap dan dengan senang menang dalam permainan ini.

Semasa pilihanraya, terdapat ramai

orang dari Semenanjung Malaysia berkempen untuk pembangkang di Sarawak. Ini menunjukkan pembangkang tidak mempunyai ahli-ahli akar umbi yang mencukupi dalam berkempen untuk mereka. Orang luar yang datang ke Sarawak membawa satu sentimen seperti "Bebanan Orang Putih" di mana adalah tanggungjawab mereka untuk menyelamatkan orang Sarawak yang lain. Ini adalah gejala yang tidak sihat.

Oleh kerana kekurangan ahli akar umbi, ini turut menjadikan kempen pembangkang agak lemah dan tidak teratur, terutamanya kempen PKR di kawasan luar bandar.

Untuk membawa perubahan progresif, harus terdapat satu usaha daripada parti pembangkang Sarawak dan juga masyarakat sivil termasuk aktivis-aktivis. Mereka ini harus duduk bersama, berbincang dalam mewujudkan satu gabungan yang mempunyai matlamat yang sama dan memberikan pandangan alternatif kepada rakyat Sarawak mengenai polisi kerajaan. Aktivis tempatan harus mula "berfikir secara global, bertindak secara lokal". ##

Utamakan Pekerja Selamatkan Malaysia

Walaupun jumlah peserta aksi Himpunan Hari Pekerja di Kuala Lumpur pada tahun ini kurang daripada tahun lepas, namun semangat yang ditunjukkan masih kuat dengan tuntutan yang memperjuangkan hak asasi rakyat marhaen.

Lebih kurang 500 orang berkumpul di pusat beli-belah Maju Junction pada lebih kurang 10.30 pagi, sebelum berarak di jalanan Kuala Lumpur. Para peserta aksi telah berarak dengan penuh semangat dengan laungan slogan dan nyanyian lagu perjuangan sepanjang

perarakan. Perarakan telah melalui pusat beli-belah SOGO dan Dataran Merdeka sebelum tamat di Medan Pasar. Acara kemuncak dengan pembacaan Deklarasi 1 Mei telah diadakan di Medan Pasar.

Wakil daripada pekerja kilang, pekerja ladang, petani, mahasiswa, anak muda, kumpulan membantah loji pembakaran sampah, kumpulan LGBT, kumpulan wanita dan sebagainya telah berucap dalam himpunan tersebut.

Sebanyak 116 organisasi telah menyokong Deklarasi Hari Pekerja

tahun ini, termasuklah Parti Sosialis Malaysia (PSM), Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Aliran, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Gabungan Kiri, BERSIH 2.0 dan sebagainya.

Perhimpunan ini telah berlangsung secara aman tanpa gangguan secara keseluruhannya. Namun, pihak polis telah memanggil 3 orang untuk memberi keterangan pada 19 Mei, mereka adalah Arutchelvan (AJK Pusat PSM), Selvam (AJK Pusat PSM) dan Sevan



Doraisamy (Pengarah Eksekutif SUARAM). Tindakan pihak polis sebegini jelas bermotifkan politik untuk mengganggu aktiviti masyarakat sivil dan menghakis hak untuk kebebasan berhimpun.

DEKLARASI 1 MEI 2016

Berikut adalah Deklarasi Hari Pekerja 2016 yang telah dikeluarkan pada 1 Mei yang lalu semasa aksi Himpunan Hari Pekerja di Kuala Lumpur, anjuran Jawatankuasa Mei Satu. Deklarasi ini telah disokong oleh 116 organisasi.

Malaysia menjadi tumpuan utama di arena antarabangsa disebabkan isu RM 2.6 billion, isu 1MDB, kejatuhan matawang ringgit yang mendadak dan isu-isu yang lain berkaitan dengan pimpinan tertinggi Malaysia.

Menurut Institut Penyelidikan Khazanah, ekonomi Malaysia pada tahun 2016 akan menjadi lebih teruk berbanding tahun sebelumnya, yang pastinya rakyat Malaysia akan merana. Sejak tahun lepas, kebanyakan pekerja di syarikat-syarikat korporat multinasional (MNC), minyak dan gas, perbankan dan juga syarikat berkait kerajaan (GLC) termasuk Naza, Petronas, Shell dan MAS telah diberhentikan kerja. Menurut perangkaan Jabatan Tenaga Kerja, seramai 25,917 orang kehilangan kerja pada 2014 dan meningkat 45% pada 2015, iaitu mencecah 38,499 orang pekerja.

Penganalisa ekonomi meramalkan eksport negara akan merosot kepada paras negatif 2.8% yang bermakna pendapatan negara akan berkurang. Harga barangan dan perkhidmatan asas pula melambung tinggi tanpa kenaikan gaji dengan bebanan cukai GST. Kos hidup rakyat biasa meningkat dan keadaan menjadi lebih teruk apabila harga barangan mengalami kenaikan dari 20% hingga 30%, kadar tambang tol di 18 lebuh raya dinaikkan, tambang komuter, LRT dan ERL dinaikkan sebanyak 100% dan lebih-lebih lagi subsidi bagi beras nasional Super, minyak masak dan tepung gandum

telah dimansuhkan.

Amat jelas keadaan negara sekarang amat menindas kaum pekerja dan rakyat biasa, manakala yang kaya menjadi lebih kaya. Yang memburukkan keadaan lagi ialah penindasan ekonomi ditambah dengan penindasan hak di mana kerajaan dari hari ke hari menggubal undang-undang yang mencabul hak asasi rakyat untuk bersuara dan berhimpun.

Sempena Hari Pekerja 1 Mei 2016 yang menjadi lambang kebangkitan kaum pekerja terhadap penindasan, tuntutan-tuntutan Pekerja Malaysia adalah seperti berikut:

1. Tubuhkan satu tabung khas "Tabung Pemberhentian Pekerja" - Tabung ini akan membayar pekerja amaun yang mereka berhak terima apabila majikan mufliis dan gagal membayar pekerja. Bayaran gantirugi kepada pekerja dari Tabung mengikut faedah rentikerja Akta Kerja 1955.

2. Mengkaji semula gaji minimum, melaksanakan Gaji Minimum RM1500

dan COLA (Elaun Kos Hidup) untuk menghadapi kenaikan kos hidup.

3. Batalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang menindas rakyat.

4. Hak Kesatuan Sekerja - Hormati semangat keharmonian industri dengan memperkasakan kesatuan sekerja. Pihak majikan harus hentikan aktiviti menghancurkan kesatuan sekerja di negara ini.

5. Hak Pekerja Wanita - Hentikan segala bentuk diskriminasi dan keganasan terhadap wanita. Majikan, Kerajaan dan Mahkamah perlu menegakkan hak wanita dan melaksanakan Konvensyen berkaitan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW). Hentikan gangguan seksual di tempat kerja, dengan menggubal Akta Gangguan Seksual yang komprehensif.

6. Hak Pekerja Migran - Pekerja migran harus diberikan hak yang saksama dan perlindungan yang mencukupi. Hentikan eksploitasi - keadaan kerja yang tidak selamat, waktu kerja yang panjang, tiada latihan kemahiran, hak kesihatan tidak terjamin serta tiada perwakilan kesatuan sekerja.

7. Hentikan Penswastaan Perkhidmatan Asas - Air, elektrik, kesihatan, pengangkutan awam, pendidikan tidak harus diswastakan demi keuntungan. Hanya satu perkhidmatan yang harus disediakan oleh Kerajaan.

8. Kebebasan Media - Media utama dan alternatif harus diberi kebebasan untuk memberi maklumat sebenar kepada rakyat. Maka, Akta Penerbitan dan Mesin Cetak yang menyekat kebebasan ini harus dimansuhkan. Pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia yang menyekat kebebasan rakyat bersuara harus dibatalkan.

9. Kawal Harga Barang - Kawal kenaikan harga barang dan perkhidmatan termasuk harga minyak dan berikan semula subsidi kepada rakyat.

10. Hak Pelajar - Mansuhkan AUKU, PTPTN dan semua akta yang mengongkong kebebasan akademik mahasiswa. Berikan pendidikan percuma kepada semua pelajar.

11. Hak Orang Asal/Asli - Iktiraf Hak Tanah Adat Orang Asal di Malaysia dan berikan hak milik kekal serta kukuhkan status tanah Rizab Orang Asal/Asli di Malaysia (Semenanjung, Sabah dan Sarawak). Rancangan pembangunan tanah Orang Asal hendaklah berasaskan kehendak, keperluan dan aspirasi Orang Asal/Asli.

(sambung di m/s 7)



Negara semakin kaya tapi rakyat masih hidup susah

Apa boleh kita lakukan?

(Berikut adalah mesej Hari Pekerja 2016 oleh Dr. Jeyakumar Devaraj)

Izinkan saya meletakkan hari ini dalam perspektif. 46 tahun yang lalu, pada tahun 1970, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia adalah RM 10.5 bilion. Hari ini, ia adalah RM 1250 bilion. Tidak lupa terdapatnya inflasi kira-kira 400% antara tahun 1970 dan sekarang. Jadi RM 10.5 bilion akan menjadi RM 42 bilion dalam nilai matawang ringgit hari ini. Jadi, dari segi yang sebenar, KDNK kita kini 30 kali lebih besar daripada tahun 1970!

Kita juga perlu mengambil kira pertumbuhan penduduk. Negara kita ada kira-kira 10 juta orang penduduk pada tahun 1970 dan kini sudah mencecah 30 juta orang. Oleh itu, KDNK per kapita telah meningkat sebanyak 10 kali ganda dalam tempoh 46 tahun yang lalu.

Tetapi, adakah kita hidup 10 kali ganda lebih baik berbanding dulu? Adakah kita 10 kali ganda lebih selesa? Sudah tentu tidak! Pelajar kolej di negara kita dibebani dengan pinjaman besar yang mengambil bertahun-tahun untuk membayar hutang ini. Anak-anak muda kita

tidak mampu untuk membeli rumah mereka sendiri. Hanya dengan pendapatan mereka ini memang tidak cukup! Banyak keluarga biasa terpaksa bersusah payah untuk hidup walaupun bekerja lebih masa.

Mengapa ini berlaku? Malaysia adalah sebuah negara yang kaya. KDNK per kapita kita telah berkembang 10 kali ganda, namun kita menderita! Masalahnya ialah banyak kekayaan di negara ini telah dibolot oleh golongan 10% terkaya. Itulah sebabnya kita yang lain hidup menderita.

Untuk mencabar 10% teratas dan menuntut bahagian yang adil bagi kemakmuran negara ini, orang biasa perlu bersatu. Oleh itu, PSM menganjurkan program seperti perhimpunan Hari Pekerja 1 Mei - untuk membawa rakyat bersama-sama dalam mengemukakan isu mereka dan menuntut pengagihan kekayaan yang lebih baik. Ini adalah penting untuk kita supaya tidak kekal dipecah-belahkan oleh politik kaum atau agama, tetapi sama-sama berjuang untuk mewujudkan masyarakat yang lebih adil. Kita harus mengambil berat tentang

kebajikan semua rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan kaum. Hanya apabila seorang aktivis India bersuara untuk Melayu miskin, dan golongan progresif Melayu memperjuangkan hak Orang Asli, kita boleh membina gerakan rakyat yang boleh mencabar ketamakan 10% teratas ini.

Negara kita kini ada 5.5 juta pekerja migran. Dan ia adalah benar bahawa kehadiran mereka menimbulkan masalah kepada pekerja kita - kerana pekerja migran senang dibuli untuk menerima gaji yang lebih rendah atau tempoh masa kerja yang panjang tanpa bayaran kerja lebih masa. Pekerja Malaysia dari golongan B40 (iaitu 40% keluarga termiskin) mempunyai kesukaran untuk mencari pekerjaan. Pihak majikan lebih suka mengupah pekerja migran. Tetapi, kita perlu jelas satu perkara di sini - pekerja migran bukan musuh kita, dan jalan keluar dari masalah ini adalah memperkasakan mereka untuk menentang penindasan yang berlaku pada mereka. Jika pekerja migran tidak begitu mudah dibuli, maka mereka tidak akan memberi penjimatan yang besar kepada

majikan. Dan dengan itu golongan B40 kita akan mempunyai akses yang lebih baik kepada pekerjaan. Memperkasakan pekerja migran adalah baik untuk golongan B40 di negara kita.

Malangnya, ramai rakyat Malaysia tidak memahami perkara ini. Apabila PSM bersuara untuk pekerja migran, terdapat pengguna Internet yang cepat bertindak untuk mencaci kami dengan mengatakan bahawa kita harus mengambil berat tentang pekerja tempatan. Mereka tidak memahami bahawa melindungi pekerja asing daripada eksploitasi sebenarnya memberikan manfaat kepada pekerja-pekerja tempatan.

Jika kita ingin mengagihkan semula kekayaan negara ini dengan lebih adil, kita mesti memahami siapa musuh sebenarnya. Musuh kita bukannya pekerja migran, tetapi adalah sebahagian daripada elit yang mendapat berjuta-juta komisen dan yuran daripada perniagaan mengimport buruh migran. Apabila kita memahami realiti ini, maka baru kita boleh menangani ketidaksamaan di Malaysia dengan cara yang bermakna. ##

(sambung dari m/s 6)

12. **Alam Sekitar** – Hentikan projek yang memudaratkan kesihatan rakyat Malaysia seperti perlombongan bauksit, Lynas, insinerator, loji nuklear dan lain-lain. Gunakan tenaga alternatif yang bersih dan murah.

13. **Perumahan Selesa** – Hentikan pengusiran paksa terhadap masyarakat marhaen termasuk peneroka bandar, orang asal dan pekerja ladang. Skim Perumahan Rakyat pada harga yang mampu dibeli, lokasi strategik dan selesa harus dilaksanakan.

14. **Mansuhkan Akta POTA (2015) dan Akta Hasutan (1948)** berserta segala undang-undang yang menindas rakyat.

15. **Hak Bekerja Orang Kurang Upaya (OKU)** harus dipastikan. Skim pekerjaan yang memberi peluang pekerjaan untuk OKU harus digubal.

16. **Laksanakan Jaminan Perlindungan Sekuriti Sosial** untuk semua termasuk Skim Pencen dan Tabung Pemberhentian Kerja untuk semua.

17. **Hentikan Diskriminasi Berasaskan Gender dan Orientasi Seksual.** Mansuhkan undang-undang dan polisi yang mengakibatkan diskriminasi sedemikian.



Organisasi yang menyokong Deklarasi 1 Mei 2016:


1. Academy of Tamil Studies
2. Akademi Belia (Youth Academy)
3. Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN)
4. All Women's Action Society (AWAM)
5. AMK Biro Mahasiswa
6. Angkatan Bahaman
7. Angkatan Rakyat Muda (ARM)
8. Angkatan Warga Aman Malaysia (WargaAMAN)
9. Angkatan Pembebasan Bangsa Malaysia (APBM)
10. Asalkan Bukan UMNO (ABU)
11. Association of Women Lawyer (AWL)
12. BERSIH 2.0
13. Buku Jalanan Keramat
14. Buku Jalanan Shah Alam
15. Buku Jalanan Temerloh
16. Centre for Independent Journalism (CIJ)
17. Centre of Education Research And Development (Cedar)
18. Child Development Initiative
19. Coalition of Malaysian Indian NGOs
20. Council Of Temples Malaysia
21. Deleted Books
22. DIVERSITY
23. Federation Of Malaysian Indian Organisation (PRIMA)
24. Frinjan
25. Gabungan Kiri
26. Gabungan Pemandu Lori Perak
27. Gabungan Petani Perak
28. Gerakan Menuntut Pendidikan Percuma
29. Green Peace Distro
30. Group Of Concerned Citizens
31. HAKAM
32. Indian Malaysian Active Generation (IMAGE)
33. Jaringan Orang Asal Semenanjung
34. Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT)
35. Jawatankuasa Bekas Pekerja Ladang Bukit Jalil
36. Jawatankuasa Bertindak Ladang Sungai Belata
37. Jawatankuasa Bertindak Kuala Lumpur Tak Nak Incinerator
38. Jawatankuasa Penduduk Kampung

- Hakka Mantin
39. Jawatankuasa Penduduk Taman Permata Dengki
40. Jawatankuasa Tindakan Kampung Bukit Kuda
41. Justice for Sisters
42. Kedai Buku Mak Ali
43. Kelab Bangsar Utama
44. Klang Consumer Association
45. KLSCAH Youth
46. Kolektif Rumah Bayang
47. Kolektif Sarata
48. Komuniti Muslim Universal (KMU)
49. Kuala Lumpur Hindu Youth Organisation
50. Kuliah Buku (KuBu)
51. Lawyers for Liberty
52. LENSEA Anak Muda
53. LMP UPSI
54. Lostgens
55. M'sia Youth & Students Democratic Movement (DEMA)
56. Mahasiswa Amanah
57. Mahasiswa Keadilan Malaysia
58. Majlis Kelab Bell Belia Tamil Malaysia
59. MAJNVN CONSPIRACY
60. Malaysia Tamil Artiste Association
61. Malaysian Dravidian Association
62. Malaysian Indian Historical Association
63. M'sian Indian Youth Development Foundation
64. M'ian Indians Progressive Association (MIPAS)
65. Malaysian Indians Transformation Action Team (MITRA)
66. Malaysian Preschool Teachers Coalition
67. Malaysian Trade Union Congress (MTUC)
68. Malaysian Youth Care Association (PRIHATIN)
69. Nationwide Human Development And Research Centre
70. North South Initiatives
71. Oriental Hearts & Minds Study Institute (OHMSI)
72. PAKSI
73. Parti Sosialis Malaysia (PSM)
74. Pemuda AMANAH
75. Pemuda Sosialis
76. Peoples Service Organization (PSO)
77. Perak Women for Women Society
78. Persahabatan Semparuthi

79. Persatuan Aktivis Sahabat Alam - KUASA
80. Persatuan Hindraf Johor
81. Persatuan Kebajikan Masyarakat Tamil Taman Bukit Indah
82. Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM)
83. Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (EMPOWER)
84. Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM)
85. Persatuan Perikemanusiaan
86. Persatuan Prihatin Belia Malaysia
87. Persatuan Rapat Malaysia (RAPAT)
88. Persatuan Sahabat Wanita Selangor
89. Persatuan Tamil Neri Malaysia
90. Pertubuhan Kebajikan dan Persekitan Positif Malaysia (SEED)
91. Projek Dialog
92. Pusat Komunikasi Masyarakat (KOMAS)
93. Pustaka Tan Malaka
94. Rudra Devi Samaj Malaysia
95. Rumah Natang
96. Sahabat Rakyat
97. SALT Malaysia
98. Saya Anak Bangsa Malaysia (SABM)
99. Seksualiti Merdeka
100. Selangor Action Team
101. Serikat Mahasiswa
102. Sisters in Islam (SIS)
103. Society for the Promotion of Human Rights (Proham)
104. Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM)
105. Student Progresive Front (SPF) UUM
106. Student Progresive Front (SPF)JUSM
107. Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
108. SUF UKM
109. Sunflower Electoral Education Movement (SEED)
110. Tenaganita
111. Transformasi Mahasiswa UUM (TMUUM)
112. Transmen of Malaysia
113. Universiti of Malaya Association of New Youth (UMANY)
114. Women's Aid Organisation (WAO)
115. Women's Centre for Change (WCC)
116. World Tamil Federation – Malaysian Chapter

Bedah Siasat Masalah Kemiskinan Masyarakat Melayu Desa

PSM telah menganjurkan satu sesi diskusi meja bulat tentang masalah kemiskinan masyarakat Melayu luar bandar di Parlimen pada 30 April yang lalu. Seramai 18 orang peserta, termasuk 4 orang Ahli Parlimen parti pembangkang telah hadir ke sesi perbincangan ini. Prosiding penuh meja bulat ini boleh diperolehi daripada ibu pejabat PSM di Brickfields.



Statistik Masyarakat Luar Bandar

Pekebun getah - 440,000 orang

Pesawah padi - 172,000 orang

Pekebun kelapa sawit - 567,500 orang

Termasuk

- FELDA - 110,000 orang
- FELCRA - 98,000 orang peserta

Nelayan - 70,000 orang

Kerja-kkerja lain di kawasan desa (anggaran) - 600,000

Anggaran pecahan :

- Kerja kontrak di kampung 25%
- Peniaga kecil 27%
- Pekerja kontrak / kilang / ladang 40%
- Kakitangan kerajaan 8%

(Ini bererti lebih kurang 36% daripada masyarakat Bumiputra bekerja di kawasan luar bandar! Dan oleh kerana kerusi DUN dan Parlimen adalah lebih kecil di kawasan luar bandar, peranan masyarakat desa dalam memilih kerajaan kita adalah lebih besar daripada 36%!)

Angka-angka utama Getah Asli			
Tahun	Pengeluaran Global (juta tan)	Harga SMR pada 1 Jan (sen / Kg)	Keluasan kebun getah kecil di Malaysia (juta hektar)
2000	6.8	280	1.31
2008	10.1	820	1.19
2014	12.0	500	0.98

Sumber: Laman sesawang Lembaga Getah Malaysia

Jumlah pengeluaran getah asli di dunia 2012:

- Thailand 3.5 juta tan
- Indonesia 3.0 juta tan
- Malaysia 0.97 juta tan
- Vietnam 0.86 juta tan

Jika negara China bertindak tegas terhadap masalah pencemaran udara dan menyekat penggunaan kereta persendirian di negara itu, sudah tentu permintaan untuk getah asli akan menurun lagi. Lambakan getah asli di pasaran dunia akan jadi lebih teruk dan harga akan turun lagi.

Dasar-dasar baru untuk mengendalikan kemiskinan kaum Melayu luar bandar

1. Membuka ruang untuk 20% daripada orang yang bekerja di kawasan desa **mendapatkan kerja di kilang-kilang** atau dengan majikan lain yang berdekatan. Pada takat ini, memang ada peluang bekerja tetapi kebanyakan majikan lebih berminat mengambil pekerja migran kerana pekerja migran senang dibuli dan majikan dapat menjimatkan kos membayar KWSP, bayaran kerja lebih masa (OT) dan sebagainya. Faedah untuk langkah buka ruang bagi orang kampung dapatkan kerja kilang adalah:

- a. Apabila seorang pekebun yang menyewa tanah dapat kerja kilang, seorang pekebun yang lain boleh ambilalih penyewaan tanah itu dan meningkatkan pendapatannya.
- b. Apabila ramai orang kampung dapat kerja kilang ataupun di sektor perkhidmatan, pasaran untuk peniaga-peniaga kecil di kawasan desa akan membesar. Gerai-gerai kecil akan dapat bisnes yang lebih.

2. **Memastikan gaji minimum** dan syarat-syarat berkaitan bayaran kerja lebih masa, caruman KWSP dan Perkeso dipatuhi di kawasan luar bandar juga. Untuk mencapai ini, masalah 3.5 juta pekerja migran tanpa dokumen harus dikendalikan dengan berkesan. Ruang untuk memutihkan status pekerja migran

yang telah kehilangan pasport dan permit kerja, harus dibuka seluas-luasnya. Ini kerana kehadiran mereka tanpa dokumen bererti mereka boleh dibuli oleh majikan dan ini menjejaskan gaji yang boleh diperolehi oleh pekerja tempatan. Pembulian pekerja migran harus disekat dengan memberi ruang untuk mereka mengadu secara yang berkesan terhadap majikan yang membuli mereka!

3. **Sektor Padi**

- a. **Mansuhkan Bernas** yang sudah menjelma menjadi monopoli gergasi yang menelan sebahagian besar daripada peruntukan untuk sektor pesawah padi. Tubuh balik Lembaga Beras Negara dan uruskannya di bawah kawalan langsung kerajaan.
- b. **Teruskan subsidi** untuk pesawah padi, tetapi ambil langkah untuk memastikan subsidi itu tidak dirampas oleh pihak-pihak yang menjadi orang tengah, termasuk anggota agensi kerajaan dan pemimpin politik. Antara langkah yang boleh dilaksanakan adalah:
 - i. Subsidi baja dan benih diberi melalui baucar yang boleh ditunaikan di mana-mana kedai. Pesawah akan mencari kedai yang memberi perkhidmatan yang baik.(sambung di m/s 9)

Gaji Minimum RM 1000 mulai Julai 2016

Cukup untuk pekerja?

MEF pula bantah kenaikan gaji minimum

Pada tahun 2013, Perintah Gaji Minimum RM 900 untuk Semenanjung dan RM 800 untuk Sabah dan Sarawak telah dikuatkuasakan di Malaysia. Satu perjuangan berpanjangan untuk pelaksanaan Akta Gaji Minimum berakhir dengan amaun RM 900 dan RM 800, walaupun tuntutan kita sudahpun maju ke tahap RM 1500 untuk Gaji Minimum. Pada masa yang sama, garis panduan gaji minimum mengatakan bahawa paras gaji minimum ini akan dikaji 2 tahun sekali.

Paras gaji minimum baru ditetapkan pada RM 1000 oleh Perdana Menteri tanpa menghiraukan tuntutan wakil-wakil pekerja yang menyerahkan memorandum untuk menaikkan gaji minimum ke RM 1500 pada tahun 2015. Pelaksanaan RM 1000 di Semenanjung dan RM 920 bagi Sabah dan Sarawak yang sepatutnya bermula Januari 2016 pula ditangguhkan ke Julai 2016. Kini, Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) pula membantah pelaksanaan ini.

Satu ugutan yang digunakan oleh MEF adalah, jika paras gaji minimum baru dilaksanakan, maka lebih 30,000 pekerja akan hilang kerja. Adakah peningkatan RM 100 dan RM 120 dalam gaji akan menyebabkan syarikat gulung tikar? Apakah asas

ugutan ini dan patutkah kerajaan tunduk kepada ugutan ini?

Kenapa gaji minimum perlu naik sampai RM 1500?

- 1. Pelaksanaan cukai GST 6% pada 1 April 2015 menyebabkan harga barangan mengalami kenaikan dari 20% hingga 30%.
- 2. Sejak 15 Oktober 2015, tambang tol di 18 lebuh raya telah dinaikkan harga dalam tempoh enam bulan selepas GST dilaksanakan. Kenaikannya mencecah 150%.
- 3. Bermula 2 Disember 2015, harga tambang keretapi KTM Komuter, LRT dan ERL telah naik secara mendadak. Kenaikan harga tambang bagi perkhidmatan KTM naik antara 20% hingga 140%, dan kenaikan bagi tambang LRT, Monorel dan RapidKL pula antara 40% hingga 102%. Harga tambang bas dan teksi juga mengalami kenaikan, iaitu bas sebanyak 22% dan teksi sebanyak 49%. Malah, ERL juga turut naik harga sebanyak RM 20, di mana tambang ERL bagi perjalanan sehala dari KL Sentral ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 ialah RM 55, dan ini telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016.
- 4. Subsidi Beras Nasional Super

Tempatan dengan kadar hancur 15% (ST15/S15) kini ditarik balik dan dimansuhkan. Dengan penarikan subsidi beras tersebut, harga beras subsidi ini kembali pada harga asalnya RM 23.00 berbanding harga selepas subsidi RM17.50.

- 5. Pelupusan subsidi minyak masak sebanyak RM 950 juta yang pasti akan meningkatkan harga minyak masak (sawit).
- 6. Kos pendidikan meningkat. Pengurangan 95% dalam peruntukan untuk Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) daripada RM200 juta kepada hanya RM 10 juta. Pengurangan peruntukan pengajian tinggi dalam belanjawan adalah sebanyak RM 2.4 bilion, menjadikannya hanya tinggal RM 1.378 bilion.
- 7. Harga rumah naik - Pada 11 September 2015, Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) menyatakan bahawa akibat daripada pelaksanaan GST, kebanyakan pemaju di Semenanjung Malaysia terpaksa mengalami kenaikan perbelanjaan dalam perniagaan mereka dan ini menyebabkan kos dan harga hartanah dan rumah pun naik. Dalam kajian yang dijalankan oleh REHDA pada bulan Januari dan Jun 2015,

sebanyak 94% kos telah meningkat dan responden dalam kajian tersebut menyatakan bahawa kos meningkat lebih 5% selepas pelaksanaan GST.

Dalam satu tahun ini, semua naik mendadak, tapi gaji naik sedikit, MEF pula bising. Adakah kenaikan RM 100 dan RM 120 boleh selesaikan beban rakyat? Bolehkah majikan-majikan yang menganggotai MEF itu dapat hidup dengan RM1000 sebulan?

Satu contoh, negara Venezuela yang mempunyai populasi penduduk hampir sama dengan Malaysia, serta baru-baru mengalami krisis ekonomi akibat ketidakpastian harga minyak, turut menaikkan Gaji Minimum sebanyak 30% (ke USD1505) dan diumumkan pada Hari Pekerja. Jadi, mengapa negara kita dengan KDNKnya yang meningkat setiap tahun, tidak dapat menaikkan gaji minimum ke paras yang munasabah? Lagipun, apabila gaji untuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Bank CIMB boleh mencecah RM 779,000 sebulan, kenapa gaji minimum untuk pekerja biasa tidak boleh dinaikkan hanya ke paras RM 1500?

Fikirkanlah dan jom terus berjuang untuk gaji minimum yang setimpal demi menampung kehidupan pekerja.

(oleh Sivaranjani)

(sambung dari m/s 8)

- ii. Pemberian subsidi dan bantuan yang lain perlu dibuat secara telus. Pamerkan di Pejabat-pejabat Daerah dan juga laman sesawang Jabatan. Dengan ini orang kampung boleh dapat tahu jika sebarang peruntukan yang disasarkan pada mereka dirampas.
- c. Memperkukuhkan mekanisme semak dan imbang (*check and balance*) dengan **membenarkan masyarakat kampung memilih ketua kampung mereka dalam pilihanraya kampung**. Perlantikan oleh Pegawai Daerah, ADUN tempatan dan Ketua Bahagian Parti Politik harus dihentikan.
- d. Meningkatkan prestasi Biro Pengaduan Awam. Buka ruang yang berkesan untuk rakyat tempatan mengadu terhadap mereka yang cuba rampas bantuan yang ditujukan kepada masyarakat desa.

- 4. **Sektor pekebun kecil getah**
 - a. Teruskan bantuan bagi penoreh getah setiap kali harga RSS1 jatuh ke bawah RM 6 di pasaran dunia.
 - b. Membantu pekebun **mempelbagaikan aktiviti ekonomi** mereka kepada penternakan kambing, lembu ataupun ikan dan tanaman buah-buahan serta sayur-sayuran. Ini

memerlukan bantuan dalam teknologi, modal dan pasaran. Mungkin pihak seperti FAMA boleh melaksanakan kontrak membeli satu jumlah buah-buahan tertentu setiap bulan daripada pekebun terlibat. Pekebun kecil mesti diberi ruang untuk mengambil bahagian dalam pembentukan usaha-usaha ini.

FAMA dan MARDI mesti cari jalan menjual buah-buahan ataupun meneroka teknologi untuk mengetikan, menyejukkan ataupun mengeringkan buah-buahan supaya dapat dimakan pada masa depan.

- 5. **Sektor nelayan**
 - a. **Pencerobohan** nelayan asing besar harus dikawal secara berkesan.
 - i. Amalan pemberian lesen kepada orang kenamaan yang menyewanya kepada tauke kapal asing mesti



- dihentikan dengan segera.
- ii. Senarai pemegang lesen harus diletak dalam laman sesawang Jabatan.
- iii. Penguatkuasaan harus diperkukuhkan. Mungkin kapal terbang ataupun drone harus digunapakai untuk memantau perairan kita.
- b. Subsidi bulanan kepada pihak nelayan harus diteruskan buat masa ini.
- c. Kawasan tepi laut merupakan lokasi paling berkesan untuk menempatkan **loji penjanaan kuasa elektrik** daripada angin, air pasang-surut dan solar. Orang muda tempatan harus diberi latihan dan ruang mengambil bahagian dalam sektor baru penjanaan kuasa elektrik daripada sumber yang tidak mencemarkan.

- 6. **Wujudkan Skim Pencen Warga Emas**
 - Skim ini adalah untuk semua rakyat Malaysia yang berumur lebih daripada 70 tahun dan bukan merupakan penerima pencen pesaraan ataupun Perkeso.
 - Semua warga emas yang layak akan dibayar RM 200 sebulan seumur hidup. Anggaran kos skim seperti ini jika dilaksanakan pada tahun 2016 adalah RM 2.2 bilion.
 - Faedah skim pencen ini

- adalah
 - o Beban kewangan menjaga ahli keluarga yang berusia akan diringankan;
 - o Kehidupan warga emas kita akan jadi senang sedikit;
 - o Pasaran tempatan juga akan dirangsangkan oleh suntikan duit ini ke pasaran tempatan.

7. Tahap Sara Diri Makanan di Malaysia (2009)	
Beras	70%
Sayuran	40%
Buah-buahan	70%
Daging kambing	10%
Daging lembu	27%
Daging ayam	122%
Susu lembu	5%
Telur ayam	115%

(Sumber: Kementerian Pertanian)

Perangkaan tahap sara diri makanan menunjukkan bahawa adanya pasaran domestik yang sangat besar di negara kita untuk daging kambing, daging lembu dan susu lembu. Begitu juga, dengan pasaran untuk sayur-sayuran yang juga agak besarnya. Oleh itu, terdapatnya prospek yang cerah untuk pekebun getah kecil untuk mempelbagaikan pengeluaran makanan untuk memenuhi keperluan pasaran domestik yang sedia ada. ##

Pegawai yang mewaikili Kementerian Dalam Negeri (KDN) enggan mendengar apa yang hendak disampaikan oleh rombongan kumpulan masyarakat yang ingin menyerahkan memorandum pada 9 Mei yang lalu di Putrajaya.

Satu rombongan wakil daripada parti-parti politik dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang dipimpin oleh Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah mengunjungi KDN pada hari tersebut untuk menyerahkan satu memorandum yang menggesa pada pihak Kerajaan supaya mengekalkan moratorium dalam pengambilan pekerja migran yang baru sehingga masalah-masalah yang berkaitan dengan pekerja migran diselesaikan.

Rombongan wakil kumpulan masyarakat tersebut terdiri daripada 10 orang, termasuklah Dr. Jeyakumar Devaraj (Ahli Parlimen Sungai Siput, PSM), Tian Chua (Ahli Parlimen Batu, PKR), Dr. Haji Dzulkefly Ahmad (AMANAH), A. Sivarajan (Setiausaha Agung PSM), Sivaranjani (Jaringan Rakyat Tertindas, JERIT), Rani Rasiah (AJK Pusat PSM merangkap Penyelaras Meja Migran PSM) dan Maryam Lee (Projek Dialog).

Namun, rombongan wakil kumpulan masyarakat yang ingin menyerah memorandum ini telah dihalang di pintu masuk utama ke perkarangan Bangunan KDN. Pegawai keselamatan memberitahu bahawa wakil KDN hanya akan menerima

KDN enggan dengar pandangan Macam mana selesai masalah?

memorandum tersebut di pondok keselamatan. Wakil-wakil kumpulan masyarakat yang hadir pada masa itu amat terkejut dengan layanan yang diberikan oleh pihak KDN, sedangkan surat pemberitahuan telah pun dihantar terlebih dahulu sebelum itu untuk meminta supaya pihak KDN menerima memorandum dan mendengar penerangan daripada pihak PSM dan kumpulan masyarakat berkenaan dengan cadangan untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat daripada keluarga berpendapatan paling rendah 40% (B40) dengan menangani isu pemangsaan ke atas pekerja migran.


Wakil-wakil kumpulan masyarakat yang hadir telah berjalan ke hadapan pintu masuk ke bangunan KDN tetapi dihalang lagi oleh pegawai keselamatan. Pegawai daripada Bahagian Pengurusan Pekerja Asing KDN berkata mereka hanya menerima memorandum sahaja tetapi tidak akan mendengar apa-apa penerangan secara lisan, seperti yang diarahkan oleh pihak atasan. Pegawai KDN enggan mendengar apa-apa cadangan secara lisan

walaupun proses ini hanya mengambil masa lebih kurang 10 minit sahaja.

Dengan cara layanan yang amat tidak mesra rakyat sebegini, rombongan wakil kumpulan masyarakat yang hadir telah membuat keputusan hanya akan menyerahkan memorandum tersebut terus kepada pihak Menteri di Parlimen.

Adalah sangat tidak munasabah untuk sebuah Kementerian yang menguruskan hal ehwal di peringkat nasional untuk berkelakuan begitu angkuh dan langsung tidak mahu mengambil sedikit masa pun untuk mendengar apa-apa pandangan daripada mereka yang prihatin pada sesuatu isu. Bagaimana kita boleh menaruh harapan kepada pihak Kementerian dalam menyelesaikan masalah rakyat dengan cara melayan rakyat sebegini?

Pada takat ini, terdapat lebih daripada 5.5 juta pekerja migran



berada di negara kita di mana 2.3 juta dengan dokumen yang sah, dan bakinya tanpa dokumen yang sah. Kehadiran 5.5 juta pekerja migran di negara kita menjejaskan ekonomi golongan B40 rakyat tempatan di mana mereka menghadapi masalah mencari kerja kerana majikan lebih suka mengupah pekerja migran oleh sebab pekerja migran boleh dibuli, dinafikan bayaran kerja lebih masa yang sah dan sebagainya. Inilah punca utama pengangguran di kalangan B40 kita.

Oleh yang demikian, PSM dan beberapa NGO menggesa KDN untuk mengekalkan moratorium pembawaan masuk pekerja migran ke dalam negara kita.

kerja di tempat lain jika mereka tidak suka terma yang ditawarkan.

- Pengangguran di kalangan B40 kita, dan pengiriman sebahagian besar pendapatan pekerja migran ke negara asal mereka memperlemahkan pasaran tempatan. Ini menjejaskan peniaga-peniaga kecil kita di kampung, pasar malam, pasar tani, gerai bandar dan sebagainya.

Ramai majikan IKS suka mengupah PMTD kerana dapat menjimatkan kos buruh

Pekerja migran tanpa dokumen (PMTD) adalah terperangkap. Ramai antara mereka datang sebagai pekerja migran yang sah tetapi kerana ditekan dan dianiayai oleh majikan "sah" mereka, dan oleh kerana mereka tiada saluran untuk mengadu dan menuntut keadilan, tiada jalan selain melarikan diri untuk mencari kerja dengan majikan lain. Ramai pekerja migran kehilangan pasport pada takat ini kerana biasanya pasport pekerja migran dipegang oleh majikan.

Majoriti antara kalangan mereka tidak boleh pulang ke negara asal mereka sebelum mereka berjaya menghantar balik sejumlah wang yang mencukupi untuk selesaikan hutang-hutang yang telah diambil oleh mereka untuk datang ke Malaysia.

Oleh kerana ini, mereka terpaksa menerima apa sahaja gaji, terma kerja dan penginapan yang diberi oleh majikan. Mereka tidak dapat mengadu jika gaji tidak dibayar sepenuhnya ataupun langsung tiada bayaran kerja lebih masa (OT). Hendak mengadu ke mana? Mereka adalah tanpa dokumen dan boleh dimasukkan ke dalam lokap!

Ini bererti B40 kita terpaksa menerima terma yang diterima oleh PMTD jika B40 kita ingin dapat kerja kontrak ataupun kerja di IKS.

Oleh kerana kesengsaraan yang

dialami oleh PMTD dan juga B40 negara kita, amalan mengupah PMTD harus dihentikan segera secara tegas. Menangkap dan menjatuhkan hukuman sebat ke atas PMTD bukan caranya mengendalikan masalah ini. Kerajaan harus bertindak tegas terhadap majikan yang mengupah PMTD. Jika beberapa orang pihak majikan dimasukkan ke penjara atas kesalahan mengupah PMTD, barulah amalan mengambil PMTD sebagai pekerja dapat dikawal.

Pengendalian kemasukan pekerja migran harus dikaji semula

Tidak boleh dinafikan bahawa pada takat ini ekonomi negara kita memerlukan tenaga kerja migran. Tetapi jumlah yang perlu adalah lebih kurang 2.5 juta sahaja. Lambakan (*over-supply*) yang kita hadapi sekarang berpunca daripada 3 faktor: a/ Ketamakan ejen-ejen besar yang ingin mengaut keuntungan lumayan daripada komisen, fi dan bayaran lain daripada pekerja migran. Kontraktor buruh adalah juga penyumbang besar kepada masalah lambakan pekerja migran. Mereka membawa masuk terlalu ramai pekerja migran dan oleh kerana tidak memberi peluang kerja yang mencukupi, sebahagian daripada pekerja migran terpaksa melarikan diri dan mencari kerja sebagai PMTD. b/ Pihak majikan yang menolak permohonan pekerja tempatan supaya dapat menjimatkan kos buruh dengan membuli pekerja migran. (Inilah sebabnya kami melihat ramai pekerja migran bekerja di banyak hotel, stesen minyak, kedai 7-11, dan dengan lain-lain majikan. Orang tempatan mahu kerja, tetapi majikan lebih berminat mengambil pekerja migran.) c/ Ketidadaan jalan yang berkesan untuk pekerja migran mendapat keadilan jika bermasalah di tempat kerja. Ini yang menyebabkan mereka menjadi PMTD.

(sambung di m/s 11)

Kekalkan moratorium terhadap pekerja migran baru Struktur semula pasaran buruh negara kita

(Berikut adalah isi kandungan memorandum yang sepatutnya diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri pada 9 Mei yang lalu. Memorandum inisiatif PSM ini mendapat sokongan daripada 15 organisasi masyarakat.)

Kami, daripada beberapa buah kumpulan NGO, Kesatuan Pekerja dan Parti Politik, mengemukakan Memorandum ini untuk memohon supaya –

1. Moratorium terhadap pembawaan masuk pekerja migran baru ke Malaysia diteruskan buat masa ini.
2. Sekatan-sekatan yang menghalang pekerja migran tanpa dokumen (PMTD) untuk tampil ke hadapan dalam proses pemutihan dikenalpasti dan dimansuhkan. Antara sekatan yang menghalang proses pendaftaran PMTD adalah
a. Kehilangan pasport ataupun pasport tamat tempoh
b. Ketidadaan permit masuk asal
c. Tempoh masa PMTD itu telah berada di Malaysia melebihi suatu tempoh
d. Penglibatan syarikat swasta dalam pengurusan proses pendaftaran dan penggajian semula menyebabkan kos terlampau mahal
e. Ramai majikan yang sekarang mengupah PMTD sebenarnya tidak layak mengupah pekerja migran disebabkan saiz dan modal syarikat
f. Ada banyak syarikat lain yang beroperasi sebagai pembekal buruh yang hanya menjadi majikan atas kertas sahaja.
3. Penangguhan operasi menangkap PMTD buat masa ini. Ini kerana jika operasi berlangsung,

PMTD takut datang ke Pejabat Imigresen untuk mendaftarkan diri.

4. Mengkaji sebab-sebabnya mengapa begitu ramai pekerja migran menjadi PMTD, dan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi punca-punca masalah ini.

5. Mengambil langkah untuk memobilisasikan pekerja tempatan supaya bekerja di kilang-kilang dan juga majikan yang lain.

Kehadiran 5.5 juta pekerja migran menjejaskan ekonomi golongan B40 kita!

Sepertimana diketahui umum, pada takat ini terdapat lebih daripada 5.5 juta pekerja migran berada di negara kita – 2.3 juta dengan dokumen yang sah, dan bakinya tanpa dokumen yang sah, walaupun ramai daripada golongan kedua datang mengikut saluran yang sah tetapi oleh kerana dianiayai oleh ejen, ataupun majikan melarikan diri dan bekerja sebagai Pekerja Migran Tanpa Dokumen (PMTD).

Kehadiran 5.5 juta pekerja migran di negara kita menjejaskan ekonomi golongan B40 (keluarga berpendapatan terendah 40%) seperti berikut:
- B40 kita menghadapi masalah mencari kerja kerana majikan lebih suka mengupah pekerja migran kerana pekerja migran boleh dibuli, dinafikan bayaran kerja lebih masa yang sah dan sebagainya. Inilah punca utama "pengangguran tersembunyi" (*hidden unemployment*) di kalangan B40 kita.
- Pekerja tempatan kehilangan kekuatan untuk merunding dengan majikan mereka berkenaan dengan gaji, persekitaran kerja dan terma kerja yang lebih munasabah. Adalah amalan biasa untuk majikan mencabar pekerja tempatan supaya letak jawatan dan cari

Megasteel: Pekerja dikurang dari 3000 hingga 250

Pada tahun 2011, syarikat Megasteel mempunyai lebih kurang 3000 orang pekerja dan kini hanya tinggal 250 orang sahaja yang masih bekerja. Pengurangan pekerja secara sistematik oleh majikan sedang dilakukan.

Pada 11 April 2016, sekumpulan pekerja Megasteel mengadakan piket di luar syarikat, dengan tuntutan supaya syarikat memberhentikan semua pekerja dan selesaikan faedah renti kerja mereka. Ini satu situasi yang aneh. Selalunya pekerja yang mahukan kerja tetapi di sini pula terbalik keadaannya.

Megasteel – sebuah syarikat di bawah Lion Group, bersaiz lebih kurang 4 km persegi, terletak di Banting, Selangor, dikatakan sebuah syarikat yang terbesar di Asia, yang mengeluarkan produk besi keluli (*coil plate*) untuk industri tempatan. Industri ini menghadapi saingan hebat daripada keluli dari China yang harganya lebih murah daripada keluli tempatan. Kesan ini mula dirasai oleh pekerja Megasteel sejak tahun 2011. Adanya pekerja mula berhenti kerja apabila mereka berasa tidak melihat masa depannya di syarikat ini. Hanya pekerja yang lama berkhidmat, iaitu lebih daripada 10 tahun, dan juga yang tinggal berdekatan dengan kawasan kilang memilih untuk meneruskan kerja di syarikat Megasteel.

Tetapi, hari ini apa yang menyebabkan pekerja marah dan melancarkan piket adalah tindakan jahat majikan memberi surat pemberhentian kepada pekerja mulai Januari 2016. Surat pemberhentian ini mengatakan bahawa pekerja diberhentikan secara sementara. Ini bermakna pekerja tidak perlu hadir kerja sehingga diberitahu oleh majikan. Pekerja akan mendapat 50% gaji setiap bulan. Surat pemberhentian sementara juga

dinyatakan bahawa pekerja tidak boleh bekerja di syarikat berdaftar yang lain dalam tempoh masa ini.

Mulai Januari 2016 sehingga sekarang, lebih 400 orang pekerja telah diberikan surat pemberhentian sementara secara berperingkat. Pekerja-pekerja ini hanya menerima lebih kurang RM 500 gaji sebulan dan mengikut syarat yang termaktub, mereka tidak juga boleh pergi kerja di tempat lain. Kejamnya majikan menyusahkan pekerja sebegini. Inilah yang menyebabkan pekerja melancarkan piket.

Sehingga sekarang, dua kali piket telahpun diadakan di hadapan syarikat, pada 11 April dan 18 April yang lalu. Belum ada sebarang kata putus daripada majikan. Kini, pekerja memberi masa sehingga 30 April untuk mendapatkan satu kata putus kepada majikan.

Tuntutan pekerja adalah:

1. Memberhentikan sepenuhnya pekerja-pekerja yang diberi notis pemberhentian sementara dan selesaikan faedah renti kerja.
2. Bayaran gaji penuh kepada pekerja-pekerja yang berada dalam tempoh pemberhentian sementara ini.
3. Bayar cuti tahunan pekerja.
4. Bayaran notis henti kerja untuk 2 minggu.

Pekerja-pekerja di Megasteel ada yang bekerja sehingga 19 tahun dan umur pekerja secara puratanya adalah 35 tahun. Bagaimana golongan ini hendak mencari kerja di tempat lain? Iklim ekonomi yang



meleset pada masa kini, dalam keadaan ramai pekerja sedang hilang kerja, saat ini sungguh mencabar bagi mereka. Tetapi, mereka masih memilih untuk dihentikan kerana industri keluli di negara kita tidak menjanjikan masa depan untuk mereka.

Keluli dari China dengan harga murah lambak di pasaran. Walaupun masalah ini pernah dibawa kepada perhatian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk melaksanakan duti import yang tinggi terhadap keluli dari China demi mengekalkan pasaran bagi keluli tempatan, tetapi tiada tindakan tegas daripada pihak kerajaan untuk menyelamatkan industri tempatan.

Di bawah Lion Group, terdapat beberapa syarikat keluli di sekitar negara ini, seperti Armsteel di Klang, Antara Steel di Johor, Bright Steel, Lion Tooling, Lion Dri, Lion Cikom dan lain-lain lagi. Mengikut pekerja Megasteel, syarikat Keluli lain seperti Lion Dri juga menghadapi situasi yang sama.

Walaupun pekerja-pekerja faham keadaan industri keluli, tetapi syarikat Megasteel ataupun The Lion Group masih belum gulung tikar.

Pengeluaran masih diteruskan. Maka, mengapa syarikat menggunakan taktik pemberhentian sementara? Salah seorang pekerja berkata, “ramai pekerja yang menerima notis pemberhentian sementara berhenti sendiri untuk bekerja di tempat lain”. Ini pasti apa yang majikan Megasteel mahukan, iaitu pekerja akan terdesak dan berhenti secara sendiri dan Megasteel tidak perlu bayar sebarang pampasan.

Syarikat Megasteel telah merancang untuk memberi notis pemberhentian pekerja untuk sekumpulan pekerja pada 29 April. Maka, akhirnya akan tinggal 100 orang pekerja sahaja, iaitu pekerja sekuriti, sumber manusia dan pekerja untuk satu projek baru yang akan dimula tidak lama nanti.

Kesatuan Pekerja-Pekerja Perusahaan Logam (MIEU) yang merupakan satu kesatuan nasional yang ditubuhkan pada tahun 2013, sedang berjuang untuk hak pekerja-pekerja Megasteel. Kesatuan MIEU dengan keahliannya di syarikat ini seramai 388 orang pekerja, akan menerima akibat pengurangan jumlah ahli dalam kesatuan sekerja kesan daripada tindakan pengurangan pekerja oleh Megasteel.

Walaupun bagaimanapun, pekerja-pekerja Megasteel bertekad untuk terus berjuang sehingga tuntutan mereka diterima oleh majikan. Pekerja juga berancang untuk lancarkan piket ke-3 mereka pada 9 Mei 2016, di hadapan pejabat The Lion Group di Kuala Lumpur.

(Maklumat ini diperolehi daripada temuduga oleh Sivaranjani dengan pekerja-pekerja Megasteel pada 23 April 2016)

(sambung dari m/s 10)

Ketiga faktor ini memerlukan penglibatan Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk mengatasinya. KSM harus menjalankan kempen berterusan untuk mendaftarkan rakyat tempatan yang berminat dapat kerja. Sesiapa majikan yang ingin memohon membawa pekerja migran baru ke Malaysia harus dapat kelulusan KSM. Kerja itu harus ditawarkan kepada orang tempatan terlebih dahulu, dan pihak KSM harus memantau untuk memastikan tawaran ini dilakukan secara ikhlas dan bukan sekadar mematuhi syarat sahaja.

Syarikat-syarikat kontraktor buruh harus dimansuhkan. Mana-mana majikan (kilang, pembinaan ataupun ladang) yang ingin membawa masuk pekerja migran harus bertanggungjawab untuk memberi kerja yang mencukupi dengan terma yang munasabah.

Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia harus mengambil langkah untuk melindungi hak pekerja migran

Pada kami, organisasi-organisasi yang membawa Memorandum ini, adalah amat jelas bahawa jika amalan membuli pekerja migran dibiar berterusan, pekerja tempatan di

kalangan B40 juga akan mengalami kesan negatifnya. Antara langkah yang harus dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia adalah:

- a. Memansuhkan halangan untuk proses memutihkan Pekerja Migran Tanpa Dokumen (PMTD) yang berlangsung sekarang.
- b. Mewujudkan saluran yang berkesan untuk pekerja migran mengadu jika dianiayai oleh majikannya. Pada takat ini pekerja migran yang mengadu dibuang kerja, dipotong bayaran permit dan dihantar balik ke negara asal. Jika dia mahu membawa majikannya ke Mahkamah Buruh, dia harus memohon untuk Pas Khas yang tidak senang untuk diperolehi. Jika dapat pun, tidak boleh kerja dengan majikan yang lain sambil tunggu kesnya terhadap majikan asal diselesaikan.
- c. Menggunakan sebahagian daripada levi yang dikutip daripada pekerja migran untuk mengupah jurubahasa di Pejabat Buruh dan KDN yang boleh bantu pekerja migran mengadu dan menuntut hak asasi mereka (dan juga membiayai kos rawatan kesihatan mereka di Hospital Kerajaan).

Kerajaan harus mengambil langkah-langkah berkesan untuk membantu rakyat Malaysia mendapatkan kerja

Pada takat ini, beribu-ribu rakyat kita di

bandar dan juga di luar bandar yang tidak dapat kerja penuh masa. Ramai penoreh getah dan mereka yang “kerja kampung” hanya dapat peluang bekerja 3 kali seminggu. Ramai orang pemuda kita tidak dapat kerja kerana ramai majikan termasuk kedai 7-11, hotel, stesyen minyak dan lain-lain lagi, memilih jalan senang (dan murah) dan mengupah pekerja migran.

Kerajaan kita harus memainkan peranan dalam memobilisasikan pekerja tempatan untuk bekerja di kilang dan di sektor perkhidmatan. Antara langkah yang harus dilakukan oleh kerajaan adalah –

1. Teruskan Moratorium terhadap pekerja migran baru. Kekurangan tenaga pekerja asing akan mendorong majikan mencari pekerja tempatan.
2. Menggalakkan pekerja tempatan melalui iklan.
3. Menggalakkan majikan untuk membekalkan pengangkutan supaya pekerja tempatan termasuk pekerja wanita dapat pergi ke tempat kerja.
4. Menasihatkan majikan supaya menawarkan shift 8 jam dan bukan shift 12 jam. Pekerja tempatan mempunyai tanggungjawab rumahtangga. Mereka tidak boleh kerja 12 hingga 14 jam sehari. Kerja lebih masa boleh ditawarkan dari masa ke semasa tetapi tidak boleh dipaksa ataupun dijadikan amalan harian.

Mengutamakan golongan B40! Jangan akur pada ejen pekerja migran besar dan kaum majikan.

Memang Malaysia memerlukan pekerja migran pada takat ini. Tetapi jumlah yang perlu adalah kurang daripada 2.5 juta. Situasi sekarang di mana 5.5 juta berada dalam negara kita sedang memberi tekanan ekonomi pada rakyat tempatan, terutama sekali B40 kita.

Sudah tentu ejen-ejen besar yang mengendalikan pengimportan pekerja migran akan melobi kuat untuk pemansuhan moratorium. Sudah tentu kaum korporat akan berkeriau-keriau bahawa bisnes mereka tidak dapat diteruskan jika pekerja migran baru tidak dibawa masuk dengan kadar segera.

Tetapi hakikatnya adalah negara kita sedang mengalami lambakan pekerja migran. Situasi ini membolehkan pihak majikan menjimatkan kos buruh dan membawa untung lumayan pada ejen-ejen buruh besar, sementara B40 kita terjejas oleh keadaan yang wujud sekarang.

Kami berharap kerajaan kita akan mengambil berat terhadap masalah yang dihadapi oleh golongan B40 kita dan melaksanakan syor-syor dalam Memorandum ini. ##

Apabila malam bangkit...

Ada apa dengan Nuit Debout?

Sejak 31 Mac yang lalu, setiap malam, di Dataran Republik (*Place de la République*) yang terletak di pusat bandaraya Paris, Perancis, telah dipenuhi dengan orang ramai, menyuarakan kemarahan dan aspirasi mereka, membincangkan pelbagai perkara, mengkritik sistem sosio-ekonomi yang sedia ada, dan mencorak impian untuk masa hadapan yang berbeza daripada sistem yang ada sekarang ini. Di sini, bukan sahaja berkumpulnya ketidakpuashatian dan kemarahan terhadap sistem kapitalis, tetapi juga tercetusnya aspirasi dan harapan untuk perubahan yang sebenar.

Ini adalah gerakan "**Nuit Debout**", yang bermaksud "bangkit sepanjang malam", satu gerakan rakyat yang diterajui oleh anak muda di Perancis dan menular dengan begitu hebatnya baru-baru ini. Gerakan Nuit Debout telah tersebar ke tempat-tempat lain di seluruh Perancis. Ia telah disamakan dengan gerakan "*Indignados*" di Sepanyol yang membantah dasar "penjimatan" yang menghakis kebajikan rakyat, dan juga gerakan "*Occupy Wall Street*" yang mencabar kekuasaan institusi kewangan di Amerika Syarikat.

Kemunculan gerakan Nuit Debout di Perancis, bagaikan cahaya lilin menyala yang menerangi kegelapan yang disebabkan oleh ancaman serangan penganas dan kebangkitan kuasa politik berhaluan kanan lampau sejak kebelakangan ini di Eropah.

Dari aksi demonstrasi ke pendudukan dataran

Pada 31 Mac yang lalu, rakyat Perancis telah turun ke jalanraya di Paris, dalam satu aksi demonstrasi membantah rancangan kerajaan Perancis untuk meminda undang-undang buruh. Kerajaan pimpinan Parti Sosialis, sebuah parti yang berhaluan kiri tengah di Perancis, cuba membawa satu pindaan baru dalam undang-undang buruhnya, atas nama untuk mengurangkan

kadar pengangguran, padahal sebenarnya adalah meningkatkan "fleksibiliti" pasaran buruh Perancis dengan membenarkan syarikat korporat lebih mudah untuk memberhentikan pekerja. Undang-undang buruh yang baru juga melonggarkan kawalan ke atas tempoh masa kerja, mengurangkan bayaran kerja lebih masa untuk kerja di luar tempoh masa 35 jam seminggu, dan bayaran pampasan pemberhentian kerja juga dikurangkan.

Walaupun hujan lebat turun pada 31 Mac, namun ratusan ribu rakyat masih berhimpun dan berarak di ibu negara Perancis. Ribuan orang telah berarak menuju ke Dataran Republik, dan kekal di sana selepas aksi demonstrasi. Pada pukul 9 malam, apabila hujan sudah reda, orang ramai masih berkumpul di Dataran Republik, mengadakan "perhimpunan rakyat" (*assemblée générale*), maka bermulalah Nuit Debout.

Idea untuk tidak pulang ke rumah selepas aksi demonstrasi ini, tercetus semasa satu perjumpaan antara aktivis-aktivis di Paris pada bulan Februari yang lalu. Perjumpaan tersebut dipanggil oleh François Ruffin, pengasas untuk satu majalah bernama "*Fakir*" dan pengarah untuk dokumentari "*Merci patron!*" (bermaksud "terima kasih majikan!"), sebuah dokumentari yang mengisahkan sepasang suami isteri pekerja menuntut pampasan daripada seorang kapitalis besar dan mengkritik tentang sistem outsourcing pekerja). Mereka yang hadir dalam perjumpaan tersebut telah membincangkan cara-cara untuk menggugat kerajaan supaya dasar-dasar yang anti-rakyat itu dapat diubah. Akhirnya, para peserta perjumpaan tersebut telah bersetuju bahawa selepas aksi demonstrasi yang akan datang, mereka akan terus kekal di situ dan tidak pulang ke rumah. Ini telah membawa kepada apa yang berlaku pada 31 Mac yang lalu di Dataran Republik.

Seperti gerakan Occupy Wall Street, penganjur Nuit Debout tidak menyenaraikan tuntutan politik mereka, walaupun aksi ini adalah berikutan dengan protes membantah pindaan undang-undang buruh. Namun, ramai peserta aksi Nuit Debout telah menganggap gerakan yang menduduki dataran awam ini sebagai satu permulaan untuk ideal baru yang berpandangan jauh dan bersifat pembebasan serta sebagai pemangkin untuk satu gerakan politik yang mampu menggabungkan gerakan-gerakan protes rakyat yang berbeza-beza.

Selepas menduduki Dataran Republik untuk satu malam, para peserta aksi telah kembali ke dataran tersebut pada pukul 6 petang pada hari keesokannya dan hari-hari seterusnya. Para peserta Nuit Debout telah menjadikan perhimpunan rakyat di dataran awam sebagai satu ruang demokrasi yang terbuka dengan penyertaan aktif daripada rakyat yang datang dari pelbagai latar belakang. Amalan kebebasan bersuara yang sebenarnya telah wujud di sini. Mereka yang hadir dalam aksi Nuit Debout telah membincangkan pelbagai isu, termasuklah masalah perumahan, gaji, pelarian dan sebagainya. Mereka yang tidak mengenali sesama diri sebelum ini telah berkumpul bersama-sama untuk membincangkan masalah yang dihadapi masyarakat, bertukar pandangan dan merancang aksi secara kolektif. Ini merupakan satu inisiatif demokratik yang memberangsangkan.

Selepas serangan penganas di Paris pada bulan November 2015, kerajaan Perancis telah mengumumkan darurat dan mengetatkan kawalan keselamatan ke atas masyarakat umum. Sementara itu, puak berhaluan kanan lampau pula mengambil kesempatan untuk mengapi-apikan sentimen islamofobia dan memperluaskan pengaruh mereka sehingga menjadi ancaman kepada demokrasi. Memang krisis sosial semakin serius di Perancis, dan di Eropah secara amnya. Namun, dengan kemunculan Nuit Debout, kebuntuan masyarakat ini telah dapat dipecahkan. Rakyat Perancis yang dihantui oleh krisis yang disebabkan oleh sistem kapitalis dapat melihat kemungkinan pembebasan rakyat yang alternatif melalui gerakan Nuit Debout.

Gerakan Nuit Debout yang bermula di Paris, telah menular dengan cepatnya ke bandar-bandar dan



pekan-pekan yang lain di seluruh Perancis. Di luar Perancis, di bandar-bandar Eropah seperti Brussels, Berlin, Madrid dan Lisbon, juga munculnya aksi Nuit Debout yang menduduki ruangan awam.

Kepelbagaian dalam gerakan

Peserta-peserta aksi Nuit Debout terdiri daripada orang ramai yang datang dari pelbagai latar belakang. Adanya anak muda yang baru sahaja melibatkan diri dalam aksi sosial, dan adanya juga aktivis yang berpengalaman. Peserta-peserta Nuit Debout telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk melaksanakan tugas-tugas yang berlainan, seperti merangka manifesto bersama, mengagihkan logistik, memasak, mengendalikan pusat rawatan di lokasi perhimpunan dan sebagainya.

Selain perhimpunan rakyat sebagai aktiviti teras untuk aksi Nuit Debout, terdapatnya perbincangan berkelompok, gerai buku, aktiviti kanak-kanak, bengkel mencipta poster, kursus undang-undang dan sebagainya di sekitar dataran di mana rakyat berkumpul. Ini bagaikan satu karnival rakyat untuk mencari jalan keluar daripada krisis. Inilah gambaran tentang apa makna sebenarnya demokrasi.

Peserta Nuit Debout juga menubuhkan stesen radio dan television sendiri, untuk menyiarkan perjalanan perhimpunan dan juga temuramah serta analisis tentang isu-isu semasa.

Aktiviti-aktiviti Nuit Debout bukan semuanya dapat berlangsung secara aman, kerana sentiasa menghadapi gangguan polis. Adakalanya berlaku konflik pertembungan antara peserta Nuit Debout dengan pihak polis. Hampir setiap awal pagi, polis akan melakukan operasi pembersihan ke atas dataran, tetapi menjelang waktu petang, khemah-khemah akan didirikan semula bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan, sebagai persiapan untuk perhimpunan rakyat yang akan berlangsung berjam-jam lamanya pada waktu malam.

(sambung di m/s 13)





Selvamani (1962-2016)

Tulang belakang dan perintis perjuangan hak perumahan pekerja ladang di Selangor

Komrad Selvamani, seorang pejuang pekerja ladang dan ahli PSM, telah menghembuskan nafas terakhirnya pada 20 April 2016 setelah bergelut dengan penyakit barah selama satu tahun. Beliau meninggalkan seorang balu dan 3 orang anak. Beliau bukan orang sebarangan tetapi telah berjasa untuk kaum pekerja.

Komrad Selvamani berasal dari Ladang Sungai Rasa, Klang. Beliau merupakan seorang bekas pekerja ladang dan juga ahli Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW). Beliau seorang ahli yang aktif dalam perjuangan perumahan pekerja Ladang Sungai Rasa pada tahun 1991. Komrad Selvamani menjadi AJK ladang yang aktif dan penggerak utama dalam perjuangan tersebut.

Pada bulan Oktober 1990, Sime Darby memberhentikan semua pekerja Ladang Sungai Rasa dan memberi notis untuk

menggosongkan rumah di ladang kerana ladang akan dijual untuk pembangunan. Berikutan notis itu, pada hari tahun baru, iaitu 1 Januari 1991, semua pekerja ladang melancarkan piket di luar ladang (di hadapan tol Shapadu sekarang) menentang pengusiran paksa oleh Sime Darby. Setelah sebanyak 5 piket diadakan secara berterusan, proses rundingan bermula.

Tekanan daripada pekerja di bawah pimpinan komrad Selvamani dan kawan-kawan lain berjaya membawa masalah perumahan pekerja Ladang Sungai Rasa ke meja rundingan bersama Menteri Besar pada masa itu, iaitu Tan Sri Muhammad bin Haji Muhammad Taib. Dalam masa perjuangan tersebut menuju ke kemuncak, pekerja-pekerja juga mendapat ugutan dan layanan kasar daripada pihak polis. Ini menyebabkan komrad Selvamani dan ahli-ahli jawatankuasa lain membuat aduan polis terhadap Ketua Polis Daerah Klang kerana penggunaan kata-kata kasar dan ugutan terhadap Jawatankuasa Tindakan Ladang Sungai Rasa. Dalam sejarah perjuangan pekerja

ladang yang diterajui oleh PSM, inilah kali pertama pekerja ladang membuat aduan polis terhadap seorang polis, dan berikutan dengan aduan itu, Ketua Polis Daerah Klang ditukar ke tempat lain.

Saudara Selvamani yang menjadi Bendahari Jawatankuasa Tindakan Ladang Sungai Rasa memainkan peranan yang signifikan. Beliau juga merupakan seorang yang tidak mudah putus asa dan tidak benarkan ahli-ahli lain untuk berputus asa; berani berdepan dengan cabaran dan mempunyai sifat kepimpinan. Ini dapat dilihat dalam perjuangan Ladang Sungai Rasa. Perjuangan yang hebat dan konsisten membawa hasil dalam tempoh 11 bulan. Syarikat Sime Darby tunduk kepada kehendak pekerja. Kesemua 22 pekerja Ladang Sungai Rasa mendapat rumah teres percuma di Puchong Perdana. Ini adalah satu sejarah di Malaysia di mana pertama kali pekerja ladang mendapat rumah alternatif percuma yang juga merupakan hak mereka sebagai 3 generasi yang bertungkus-lumus dalam meningkatkan

keuntungan syarikat ladang.

Selaras dengan perjuangan inilah, Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 1991 membawa polisi kukuh iaitu tidak membenarkan pengusiran paksa tanpa membekalkan perumahan alternatif kepada pekerja-pekerja ladang apabila sebuah ladang dibangunkan atau dimajukan.

Hari ini kita sudah kehilangan seorang pejuang yang berprinsip. Walaupun beliau sudah tiada lagi di dunia ini, kita tetap akan terus berjuang atas prinsip yang sama.

Selamat jalan komrad Selvamani. ##



(sambung dari m/s 12)

Tradisi revolusi rakyat yang tidak boleh dipadamkan

Perancis mempunyai tradisi sejarah revolusi yang lama, dari Revolusi Perancis yang tercetus apabila rakyat menyerbu penjara Bastille pada tahun 1789, ke Komun Paris pada tahun 1871, sehingga ke kebangkitan anak muda pada tahun 1968, dan juga gelombang kebangkitan rakyat pada satu dekad yang lepas, seperti gelombang protes anak muda pada tahun 2006 menentang "kontrak pekerjaan pertama" (CPE) yang menjejaskan hak pekerja dan juga gelombang mogok besar-besaran pada tahun 2010 menentang penghakisan sistem pencen. Semangat kebangkitan rakyat Perancis menentang ketidakadilan ini tidak pernah berputus dan Nuit Debout merupakan lanjutan daripada tradisi revolusi ini, sementara mencipta imaginasi dan ruang praktikal yang baru untuk pembebasan rakyat.

Orang ramai yang membanjiri dataran untuk aksi Nuit Debout, amat tidak puas hati dengan sistem sosio-ekonomi yang wujud sekarang ini. Sistem negara kebajikan telah dihakis secara berterusan oleh dasar



ekonomi neo-liberal yang mendatangkan pelbagai kemudaratan, jurang antara yang kaya dengan yang miskin semakin hari semakin melebar, nasib pelarian dan migran semakin tidak menentu, sementara itu kerajaan yang menggelar dirinya "sosialis" pula melaksanakan dasar-dasar yang berpihak pada golongan korporat. Semua ini adalah punca kepada kemarahan rakyat. Namun, dalam keadaan krisis yang semakin serius, timbulnya satu lagi ancaman yang serius, iaitu puak berhaluan kanan lampau yang sedang mencari ruang untuk berkembang dan menyebarkan fahaman yang rasis, anti-migran dan kuku besi fasis. Oleh yang demikian, kemunculan gerakan Nuit Debout boleh dikatakan satu titik tolak baru untuk rakyat biasa menangkis ancaman sistem yang sedia ada, dengan menonjolkan kemungkinan untuk pembebasan diri rakyat tertindas.

Seperti gerakan Indignados di Sepanyol, gerakan Nuit Debout berkembang di luar kerangka politik yang konvensional, dan berpotensi untuk menggugat sistem politik yang didominasi oleh parti-parti borjuasi besar. Rakyat semakin hari semakin hilang harapan pada kerajaan dan parti-parti arus perdana, namun kemarahan rakyat tidak semestinya akan menjadi satu kuasa politik yang progresif kerana adanya puak berhaluan kanan lampau yang cuba menggunakan kesempatan untuk memperkembangkan pengaruhnya melalui penyebaran kebencian yang berasaskan kaum dan agama. Oleh itu, politik alternatif kiri menjadi

begitu penting sekali untuk memastikan perjuangan rakyat tidak dipesongkan daripada usaha pembebasan yang sebenar.

Gerakan Indignados di Sepanyol telah membawa kepada kemunculan parti politik berhaluan kiri baru PODEMOS dan mendapat kejayaan dalam pilihanraya. Kebangkitan Bernie Sanders dalam pemilihan awal Parti Demokratik untuk pilihanraya Presiden di Amerika Syarikat, juga berkait rapat dengan gerakan Occupy Wall Street. Oleh itu, Nuit Debout juga boleh dianggap sebagai satu pemangkin baru untuk membina semula alternatif politik kiri di Perancis.

Memang adalah sukar untuk kita meramalkan berapa lama gerakan Nuit Debout ini akan bertahan. Namun, berapa lama ia akan bertahan bukannya persoalan yang paling penting, kerana yang penting adalah bolehkah ia berkembang menjadi satu alternatif baru yang mampu menggugat sistem kapitalis. Untuk mewujudkan perkembangan sedemikian, bermakna gerakan ini akan memperluaskan pengaruhnya secara geografi dan diperkukuhkan lagi dari segi organisasi.

Proses membina dan memperkembangkan gerakan rakyat sebegini semestinya akan wujud perdebatan yang hebat. Adanya orang yang berpendirian untuk mengekalkan keadaan organisasi yang "mendatar" tanpa struktur, ada pula yang mengusulkan supaya menggerakkan perjuangan dengan organisasi yang lebih teratur.



Perdebatan sebegini tidak akan ada kesudahan atau kesimpulannya, tetapi inilah intipati untuk eksperimen demokrasi gerakan rakyat. Mana-mana gerakan perlukan penglibatan aktif orang ramai dalam proses perbincangan, membuat keputusan secara bersama dan tindakan secara kolektif. Hanya dengan proses yang berterusan ini, gerakan rakyat akan mendapat nafas baru secara berterusan sehingga mewujudkan alternatif demokratik yang baru.

Nuit Debout telah menyuntik semangat baru dalam gerakan rakyat di Eropah, dan melahirkan imaginasi baru untuk rakyat yang inginkan perubahan sebenar. Walaupun cabaran yang bakal dihadapi masih amat besar, tetapi rakyat yang inginkan pembebasan diri daripada penindasan sistem kapitalis pastinya akan membawa semangat itu ke depan dan terus berjuang.

Adanya satu slogan dalam gerakan Nuit Debout, "malam kita lebih cantik daripada waktu siang mereka!" (*Nos nuits sont plus belles que vos jours!*) Memang benar ungkapan ini, kerana semangat perjuangan dan aspirasi kita untuk perjuangan tetap bangkit sepanjang malam. ##



Lagu mana?

Lagu baru atau lama?

Protes di jalanan, jika tidak diiringi dengan nyanyian seperti makanan yang tidak cukup garam gulanya. Tiada serinya. Melainkan ia adalah protes senyap. Protes di Malaysia bukanlah sesuatu yang asing dengan nyanyian. Namun, agak jarang untuk didengarkan lagu-lagu yang dibikin sendiri.

Kebanyakan lagu-lagu yang biasa dinyanyikan adalah karya dari tanah seberang atau digubah dari lagu-lagu era melawan kolonialis. Sambutan Hari Pekerja 1 Mei lalu agak meriah dengan nyanyian lagu-lagu lama yang digubah liriknya.

Melodi asalnya diambil dari lagu-lagu rakyat yang lama. Mungkin ramai antara kita yang pernah diajar menyanyikannya di bangku sekolah. Lirik di bawah adalah hasil gubahan sesuai dengan semangat rakyat dalam keadaan

kini.

Ada juga mengatakan melodi lagu-lagu ini bunyi ceria dan tidak garang. Kemungkinan ia sedemikian kerana sesuai dinyanyikan bersama dalam protes. Mudah dan ringan. Jikalau nak dikatakan asli, lagu asalnya juga mungkin diambil dari lagu-lagu tradisional negara lain.

Apa pun, kredit kepada kawan-kawan dari Buku Jalanan, Kelab Bangsa Utama, dan Rumah Natang. Rakaman lagu-lagu rakyat ini boleh didengarkan di youtube. Mungkin protes akan datang kita akan ada lagu-lagu yang lebih garang dan menendang sanubari. Tapi buat masa ini, lagu-lagu ini pun layan juga.

LENGGANG KANGKUNG

Lenggang lenggang kangkung
Kangkung di tepi sawah
Songlap rasuah bohong
Depa dah memang tak kisah!
x 2

Lenggang lenggang kangkung
Kangkung di tepi sawah
Rakyat dah makin cengkung
Hidup kita semakin susah

Lenggang lenggang kangkung
Kangkung di tepi sawah
Ayuh kita pelangkung
Menteri yang haram jadah!
x 2

BAPAKKU PULANG DARI KOTA

Bapaku pulang dari kota
Dengar menteri kaki putar
Semua cukai paksa kerah
Menteri sedap cekik darah

Ponponponpon ponpon ponpon

Apa ditunggu lagi kita
Marilah semua mari sama
Rebut hak kita sampai jaya!

BURUNG KAKAK TUA

Burung kakak tua
Hinggap Putrajaya
Rakyat sudah murka
Ayuh jalanraya!

Lawan lawan ayuh melawan x 3

Untuk kita semua!

Kita punya kuasa
Pekerjalah raja
Kuli maha mulia
Semua milik kita

Lawan lawan ayuh melawan x 3

Untuk kita semua!

ANAK AYAM

Lalalalalalala

Mari semua, mari semua turun ke jalan
Apa tuntutan, apa tuntutan kita suarakan
Mari menentang, mari menentang sang penguasa
Pastikan kita, pastikan kita menang bersama

Ulang x 2

Lalalalalalala

RASA BENCI

Rasa benci hei rasa benci benci hei
Hei lihat harga naik rasa benci benci hei
Hei lihat cukai naik rasa benci benci hei

Buah cempedak di luar pagar
Ambil galah tolong jolokkan
Kami sudah hilanglah sabar
Cepat turun letak jawatan

Hei lihat tambang naik rasa benci benci hei
Hei lihat minyak naik rasa benci benci hei

Pisang emas dibawa belayar
Masak sebiji di atas peti
Hutang 1MDB tak boleh bayar
Habis bangkrap negara nanti!

Hei lihat hutang naik rasa benci benci hei
Hei lihat darah naik rasa benci benci hei

Keluar Temer Keluar!

Dari laungan kemarahan pekerja seni menjadi simfoni mengiringi pendudukan


Presiden sementara yang menggantikan Dilma Rousseff yang telah digantung, telah menutup kementerian kebudayaan, wanita, keserataan kaum dan hak asasi. Pekerja seni, pemuzik dan aktivis seluruh Brazil telah bersepakat untuk menduduki bangunan-bangunan kerajaan bagi melawan keputusan itu. Suatu pertunjukan opera istemewa telah dipersembahkan khusus untuk

Presiden Sementara Michel Temer. Seniman, pemuzik, dan pembikin filem telah menduduki bangunan-bangunan kerajaan di 12 negeri.

Aksi pendudukan sebegini pernah juga berlaku di Greece. Stesen penyiaran Awam ERT, telah ditutup oleh kerajaan Greece akibat dasar pemotongan kos perbelanjaan kerajaan. Pekerja-pekerja stesen itu

yang kehilangan kerja telah menduduki bangunan stesen dan meneruskan kerja-kerja penyiaran.

Tetapi apa yang berlaku di Brazil agak berlainan. Penentangan rakyat telah dimeriahkan dengan persembahan orkestra. Pemuzik-pemuzik yang menduduki bangunan telah mengubahsuai lagu klasik 'Carmina Burana' karya asal Carl Orff. Laungan 'Keluar Temer! Keluar!' telah disuaikan dengan melodi lagu itu.





Minda Kiri

Satu lagi hukum abadi masyarakat

kapitalis adalah **penumpuan dan pemusatan modal**.

Persaingan antara kapitalis dalam pasaran bebas akhirnya akan menyebabkan modal semakin tertumpu dalam tangan segelintir kapitalis yang mempunyai “daya saing” yang lebih hebat. **Daya saing** di sini bermakna **kemampuan seseorang kapitalis itu memaksimumkan keuntungannya** dengan menjual barangannya dengan harga lebih murah. Kapitalis hanya boleh berbuat demikian dengan **meningkatkan tahap pemerasaannya terhadap pekerja**.

Persaingan antara kapitalis akan menjadikan sebahagian orang dalam kelas kapitalis itu diturunkan taraf kepada proletariat. Segelintir kecil orang dalam kelas kapitalis melucutkan identiti kapitalis sebahagian orang yang lain. Ini adalah satu proses mewujudkan golongan kapitalis yang maha kaya, iaitu **monopoli**. Amat ironinya dalam sistem kapitalis, persaingan membawa kepada monopoli.

Secara amnya, dalam sektor industri dengan komposisi organik modal yang semakin besar, penumpuan modalnya adalah semakin hebat. Sebaliknya, jika komposisi organik modal itu semakin kurang, penumpuan modal itu adalah tidak ketara. Ini kerana semakin kecil

komposisi organik modal, maka semakin kurang modal yang diperlukan untuk memulakan bisnis dalam sektor industri itu.

Misalnya, untuk mewujudkan sebuah kilang pengetinan makanan itu hanya memerlukan modal permulaan lebih kurang beberapa juta ringgit, tetapi untuk memulakan sebuah kilang keluli itu pula memerlukan beratus juta ringgit. Jadi, sektor pengeluaran keluli itu lebih cenderung untuk berlakunya penumpuan modal kerana hanya kapitalis yang memiliki modal yang jauh lebih besar dapat memulakannya berbanding dengan kilang pengetinan makanan.

Kapitalisme adalah hasil daripada persaingan bebas. Tanpa persaingan, sistem kapitalis itu tidak mungkin wujud. Tetapi persaingan bebas menyebabkan penumpuan dan pemusatan modal. Pemusatan mewujudkan apa yang bertentangan dengan persaingan bebas, iaitu monopoli.

Apabila pasaran kapitalis itu hanya tinggal beberapa syarikat besar yang memonopoli pengeluaran, mereka akan dapat mencapai persetujuan secara mudah untuk membahagikan pasaran sesama mereka sendiri, dan menghalang penurunan harga. Ini akhirnya akan merugikan para pengguna.

Oleh itu, kita dapat perhatikan bahawa, dalam perkembangan peringkat awal kapitalisme pada

abad ke-19, iaitu dalam tempoh kurang daripada 100 tahun, trend dinamik sistem kapitalis itu telah berubah dengan hebatnya. Pada awalnya, bilangan syarikat yang terlibat dalam pengeluaran itu semakin bertambah, pengeluaran itu bertambah dan harga barang semakin turun. Namun, apabila sampai ke satu tahap di mana persaingan itu mencapai kemuncaknya, kekayaan semakin tertumpu dalam tangan segelintir kecil syarikat besar yang mempunyai “daya saing” lebih hebat, sehingga bilangan syarikat semakin kurang. Syarikat-syarikat yang tinggal itu telah membuat persetujuan untuk mengelakkan penurunan harga barang yang berterusan, dengan menghadkan kuantiti pengeluaran. Era kapitalis monopoli yang wujud pada tahun 1870-an telah menggantikan era kapitalis persaingan bebas sebelum itu.

Dalam kapitalis monopoli, golongan kapitalis tidak lagi menggunakan cara meningkatkan pengeluaran untuk menurunkan harga, tetapi menggunakan cara mengagihkan pasaran sesama kapitalis, dan menetapkan had pengeluaran untuk pasaran. Ini mewujudkan satu fenomena yang aneh, iaitu kapitalis yang bermula sebagai seorang pesaing, sekarang itu bersekongkol dengan pesaing yang lain untuk menghadkan persaingan dan mengurangkan pengeluaran. Sebabnya? Ini merupakan satu cara untuk meningkatkan keuntungan. Seperti mana yang diulang dan

(Bahagian 2)

ulang lagi, **motif kapitalis adalah memaksimumkan keuntungan**. Di peringkat kapitalisme monopoli, iaitu apabila modal semakin tertumpu dan dipusatkan dalam tangan segelintir kecil golongan kapitalis besar, mereka hanya boleh mendapat keuntungan yang lebih dengan cara begini: **mengurangkan pengeluaran untuk menaikkan harga**, supaya boleh dapat lebih keuntungan yang mendorong pengumpulan modal.

Modal baru yang dikumpulkan dengan cara monopoli itu, tidak boleh lagi dilaburkan dalam sektor industri yang sama lagi. Ini kerana jika kapitalis itu melabur lagi, ia akan meningkatkan kapasiti pengeluaran dan menambahkan kuantiti pengeluaran, sehingga menyebabkan kejatuhan harga barangan (yang mengurangkan keuntungannya). Inilah kontradiksi yang dialami oleh sistem kapitalis sejak abad ke-19.

Oleh yang demikian, timbulnya satu sifat baru untuk modal dan sistem kapitalis, iaitu kapitalisme menular ke seluruh dunia melalui pengeksportan modal. Pengeksportan modal ini membolehkan syarikat kapitalis didirikan di tempat-tempat yang belum wujudnya sistem kapitalis monopoli. Kegiatan ini membawa kepada satu fenomena baru yang dipanggil imperialisme. ##

Sosialis itu adik beradik komunis?

oleh Nik Aziz Afiq Bin Abdul

Dalam siri yang lalu, kita membincangkan mengenai persepsi masyarakat Muslim mengenai ideologi sosialis yang diasaskan oleh seorang Muslim yang bernama Karl Marx. Harapan saya agar persepsi negatif itu berjaya diruntuhkan. Kali ini kita menjengah satu lagi persepsi yang berlegar dalam fikiran masyarakat terutamanya masyarakat Melayu Muslim, mengenai perkaitan antara Sosialis dan Komunis. Bukan sedikit tokoh politik yang berceramah memberikan tanggapan jahat untuk menakutkan masyarakat dengan Sosialis kerana mempunyai pertalian dengan Komunis.

Saya tak berhasrat untuk menentukan mana betul mana salah. Tulisan saya bertujuan membawa pembaca untuk menilai sendiri. Yang pertama, jika betul sekalipun Sosialis itu adik beradik (mempunyai pertalian) dengan komunis, maka apa yang dirisaukan?

Tidakkah anda perhatikan betapa masyarakat kita cukup anti dan menentang komunis? Nama komunis itu menjadi sangat jahat dan busuk sehingga siapa yang

mempunyai kaitan dengannya dilihat jahat. Jika diselidiki mengapa masyarakat kita membenci komunis, maka jawapan yang ketara diterima ialah komunis itu penjajah, bunuh orang, rosakkan harta awam, cetuskan huru hara suatu masa dulu.

Aneh sekali apabila kebencian sama tidak pula masyarakat kita tunjukkan kepada British mahupun Jepun. Kedua-dua kuasa besar ini turut menjajah negara kita namun tidak pula masyarakat kita membenci seperti bencinya terhadap komunis. Rekod sejarah membuktikan negara ini dijajah dari tahun 1824 sehingga 1941 oleh British, iaitu selama 117 tahun! Jepun menduduki negara ini ada berpandangan dari 1941 sehingga 1943 dan ada pandangan sehingga 1945, bermakna lebih dari 3 tahun. Komunis yang dikatakan jahat kerana menjajah itu, telah jahat negara ini berapa lama? Catatan sejarah menunjukkan hanya 14 HARI.

Logikkah yang menjajah 14 hari lebih dibenci berbanding yang menjajah 117 tahun dan 3 tahun? Seakan-akan 14 hari itu berlaku pembunuhan besar-besaran dan malapetaka dahsyat. Apakah British tidak membunuh sepanjang 117

tahun pemerintahan? Apakah Jepun tidak membunuh sepanjang 3 tahun penjajahan? Atau adakah selama 14 hari komunis “mengganas” itu pembunuhan yang dilakukan jauh lebih besar berbanding British dan Jepun?

Tapi mengapa masyarakat kita membenci Komunis berbanding British dan Jepun? Malah membenci Jepun lebih dari membenci British? Lain tidak bukan ini menunjukkan minda rakyat negara kita tidak pernah merdeka dan masih terjajah oleh British. Apa yang British buat itu dilihat baik dan siapa yang dimusuhi British itu dilihat sebagai musuh kita juga. Tidakkah ini kelakar?

Yang kedua, mengenai logik terma “adik beradik” yang digunapakai. Misalnya, jika Komunis itu “abang”, maka Sosialis itu adalah “adik”. Bermakna Sosialis mempunyai sifat “jahat” yang sama seperti Komunis. Mari kita menilai pernyataan ini.

Jika pembaca mempunyai adik beradik, realitinya sekalipun terdapat begitu banyak persamaan, adakah anda sama seperti adik beradik anda? Adakah

setiap hari anda pakai baju sama, makan makanan sama, pergi tempat kerja yang sama, apatah lagi menghirup oksigen pada detik yang sama?

Tidak bukan? Apakah jika ada adik beradik anda merupakan seorang penjenayah itu bermaksud anda juga adalah penjenayah? Pasti tidak! Habis mengapa perlu digeruni sangat jika betul Sosialis itu adik beradik Komunis sekalipun? Adakah sama dalam semua aspek Sosialis dan Komunis itu?

Seperti saya katakan dari awal tadi, tulisan saya bukan untuk memberikan jawapan, sekadar ingin mencambah fikiran para pembaca sekalian. Agar kita tidak lagi mudah diperbodohkan ahli politik. Mari kita mengkaji sebelum mengeji! ##



Sekitar sambutan Hari Pekerja 2016



Sudut Komik

Aktivis PSM dilarang masuk Sarawak

Arutchelvan, AJK Pusat PSM, telah dilarang masuk ke Sarawak pada 12 Mei yang lalu. Arutchelvan sepatutnya mengelolakan bengkel kesedaran hak asasi untuk masyarakat orang asal di Sarawak atas jemputan kumpulan masyarakat setempat, dengan perjalanannya memasuki Sarawak menerusi Lapangan Terbang Miri pada hari itu. Namun, beliau telah disekat di checkpoint imigresen dan dilarang masuk ke negeri Sarawak.

Larangan ke atas aktivis untuk masuk ke Sarawak, telah mencabuli hak asasi rakyat untuk kebebasan bergerak. Ini merupakan salahguna kuasa autonomi oleh kerajaan negeri

Sarawak. Tindakan sebegini bermotifkan politik yang menjejaskan ruang demokrasi dan menunjukkan keangkuhan kerajaan negeri Sarawak di bawah pimpinan Adenan.

PSM mengecam tindakan imigresen dan kerajaan negeri Sarawak yang menghalang Arutchelvan dan aktivis lain daripada melawat negeri Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak perlu memberi penjelasan yang munasabah tentang perintah larangan ke atas Arutchelvan. PSM juga mendesak Kerajaan Sarawak supaya menghentikan tindakan angkuhnya yang menghalang aktivis daripada melawat Sarawak.

